



قلنت بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 34

RABU 26 OGOS, 1987.

1408 رابو 1 محرم

PERCUMA

Berangkat ke majlis ramah mesra

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan bercemer duli mengurniakan majlis ramah mesra dengan para peserta yang sama-sama menjayakan acara-acara perayaan hari keputeraan baginda yang ke-41 tahun di Istana Nurul Iman pada hari Isnin, 24 Ogos lepas.

Kira-kira 15 ribu orang yang kebanyakannya terdiri dari para penuntut sekolah telah membanjiri ruang persantapan Istana Nurul Iman di majlis tersebut.

Lihat muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam gambar atas menunjukkan baginda menerima junjung ziarah dari rakyat baginda yang menghadiri majlis ramah mesra tersebut. Kelihatan juga mengiringi baginda ialah putera sulung, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Sistem 'orang tengah' atau 'cari pasaran sendiri' rugikan petani Sistem pasaran berkesan perlu

BERAKAS. — Petani-petani perlu ada sistem pasaran yang berkesan untuk menyalurkan hasil-hasil pertanian mereka supaya tidak terlalu bergantung kepada orang tengah atau sistem 'cari pasar sendiri' yang kurang menguntungkan. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Pengiran Dato

OLEH TIMBANG BAKAR

Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit menyarankan demikian semasa berucap bagi merasmikan Pertunjukan Pertanian Negara 1987 di Dewan Muhibbah di sini pada hari

Sabtu lepas.

Yang Berhormat menjelaskan, dalam sistem orang tengah yang akan banyak menerima untung ialah orang tengah dan yang rugi dan terhimpit ialah peladang itu sendiri.

Dalam sistem cari pasar sendiri pula, ujar Yang Berhormat menambah, peladang-peladang terpaksa memikul dua tugas penting iaitu berladang dan mencari pasaran untuk hasil ladangnya.

Lihat muka 13

PETIKAN TITAH

“Beta berseru terutama sekali kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan Beta yang bertugas di daerah ini agar akan terus menjalankan tugas-tugas mereka dengan amanah dan jujur dan sentiasa akan mengambil berat pada melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan itu semata-mata untuk kebajikan keseluruhan negara ini.”

Dititahkan dalam Istiadat Mengadap dan Menyembahkan Kesyukuran di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pada 23 Ogos 1981 iaitu hari keputeraan baginda ke-35 tahun.

MANISNYA IMAN

“BARANGSIAPA memberi selawat kepadaku satu kali maka Allah akan mengucapkan selawat kepadanya sepuluh kali.” — Hadis Nabi riwayat Muslim dari Abdullah bin Amr bin Ash radhiallahuan.

Menerima mengadap Naib Presiden Filipina

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Naib Presiden dan Setiausaha bagi Hal Ehwat Luar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Salvador H. Laurel, di Istana Nurul Izzah pada 24 Ogos lepas.

Di istiadat mengadap itu Tuan Yang Terutama Tuan Salvador H. Laurel telah diiringi oleh dua orang ahli rombongan serta Duta Besar Republik Filipina ke negara ini.

Lihat muka 24



Selamat Tahun Baru Hijrah 1408



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

26 OGOS, 1987

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

SEKTOR PERTANIAN PERLU DIKEMBANGKAN BAGI DIJADIKAN SUMBER EKONOMI NEGARA

NEGARA kita selama ini lebih banyak bergantung kepada minyak mentah dan gas cecair asli sebagai sumber ekonomi negara. Menyadari hakikat ini kerajaan telah berusaha untuk menumpukan perhatian yang berat ke arah memajukan sektor pertanian dan juga sektor perindustrian dalam mempelbagaikan sumber ekonomi negara.

Negara kita masih mempunyai kawasan tanah yang luas dan berpotensi untuk dimajukan bagi maksud pertanian.

Kesesuaian bagi penggunaan tanah secara berkesan dan berfaedah dalam sektor pertanian dapat diusahakan secara maksima dengan adanya peluang-peluang memperoleh pengetahuan teknik dan pengetahuan di bidang pertanian di samping adanya kesedaran yang tinggi dan murni di kalangan kita semua, terutama para belia tanahair, untuk bersedia menjadi petani atau penternak yang maju.

Buat permulaan setentunya kemajuan sektor pertanian ini ditumpukan ke arah memenuhi terlebih dahulu keperluan tempatan seperti pembekalan sayur-sayuran yang bermutu, daging-daging serta lain-lain yang mencukupi tanpa mengimport dari luar negeri.

Di samping itu usaha perlu juga dilipatgandakan menghasilkan padi untuk jangka panjang bagi menampung keperluan harian kita dengan pemikiran pengimportan beras dari luar negeri akan dapat dikurangkan. Langkah ini dengan secara tidak langsung akan dapat mengukuhkan lagi hasil pendapatan negara.

Kerajaan sentiasa dan terus menerus memberi peluang-peluang kepada para belia untuk menyiapkan diri sebagai petani dan penternak yang maju. Peluang-peluang serupa ini haruslah direbut oleh para belia dan dimanfaatkan sebaik-baiknya sebagai sumbangan dan khidmat bakti kepada negara.

Kursus-kursus pertanian di Pusat Latihan Pertanian Sinaut dan tunjuk ajar daripada kakitangan Jabatan Pertanian yang dilakukan selama ini antaranya dihasratkan untuk melengkapkan mereka yang berminat dalam bidang pertanian termasuk para belia untuk menjadi petani atau penternak sepenuh masa. Dengan kata yang lain, sektor pertanian yang diteroka dan diusahakan itu dijadikan sebagai sumber pendapatan utama berseesuaian dengan keperluan pembangunan bangsa dan negara.

Kejayaan dalam mencapai dan memenuhi pembangunan fizikal dan mental turut dipikul oleh kaum petani dan penternak yang gigih dan maju. Setentunya para belia menyahut cabaran ini. Lagipun infrastruktur bagi memajukan hasil pertanian telah pun sedia ada. Negara kita mempunyai sistem jalan raya dan perhubungan yang baik bukan sahaja bagi membawa masuk keperluan-keperluan bahan pertanian malahan memberi kemudahan untuk pemasaran hasil-hasil pertanian itu.

Di samping itu kerajaan dari semasa ke semasa tidak kendur-kendurnya memberi dorongan dalam meningkatkan hasil pertanian termasuklah juga penternakan. Antaranya, ialah kemudahan-kemudahan pinjaman, bantuan-bantuan baja dan lain-lain subsidi lagi selain mengadakan skim latihan dan penerangan bagi kemajuan kemahiran tenaga di semua bidang.

Bukan suatu perkara yang mustahil bila satu masa nanti sektor pertanian akan menjadi salah satu sumber ekonomi negara kita. Perubahan sikap serta haluan rakyat terutama di kalangan para belia dari segi pendekatan dan tanggapan sektor pertanian ini perlu ada. Kita perlu menekankan sektor pertanian ini sebagai perusahaan komersial dengan kesedaran bahawa sektor ini mempunyai pengaruh yang kuat dalam imbalan pendapatan negara selain memberi keuntungan yang meyakinkan.

Rakyat khususnya para belia tentu mampu menceburkan diri dalam sektor pertanian memandangkan dukungan-dukungan moral dan material yang berterusan dari kerajaan. Menjadi petani dan penternak yang maju adalah suatu bakti yang murni terhadap bumi di tanahair sendiri.

Bismillahiir rahmanir rahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat-kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana atas izin-Nya jua maka kita dapat bersama-sama di majlis yang berkebakikan pada hari ini. Bersama-sama saya di majlis ini ialah pegawai-pegawai tinggi Universiti Brunei Darussalam, Dekan-dekan, Timbalan Dekan dan ketua-ketua jabatan khusus untuk mengalu-alukan tuan-tuan dan puan-puan sebagai mahasiswa-mahasiswi baharu untuk menjadi ahli keluarga Universiti Brunei Darussalam.

Terpilihnya tuan-tuan dan puan-puan untuk memasuki Universiti Brunei Darussalam ini adalah suatu kejayaan yang amat dibanggakan dan di atas kejayaan tersebut saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Setentunya tuan-tuan dan puan-puan penuh menginsafi bahawa kemasukan tuan-tuan dan puan-puan ke Universiti Brunei Darussalam adalah menandakan bermulanya suatu tugas dan tanggungjawab yang berat, mencabar dan benar-benar memerlukan ketekunan serta ketabahan hati.

Tanggungjawab utama tuan-tuan dan puan-puan semasa berada di universiti ini ialah untuk menuntut ilmu dan memperolehi kepimpinan dengan ciri-ciri kepimpinan bagi membolehkan tuan-tuan dan puan-puan setelah menamatkan pengajian nanti berkhidmat untuk sama-sama membangun negara kita yang tercinta ini.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada masa ini sedang melaksanakan Rancangan Kemajuan Negara yang kelima iaitu bagi tempoh 1985 hingga 1990. Antara lain rancangan ini mempunyai objektif-objektifnya seperti berikut:—

- (a) Meningkatkan lagi mutu hidup rakyat dan penduduk negara ini;
- (b) Menggunakan dengan maksima sumber-sumber negara dengan baik;
- (c) Mempercepatkan kemajuan sumber-sumber tenaga manusia bagi memenuhi keperluan kemajuan negara;
- (d) Mewujudkan masyarakat yang berdisiplin, bertanggungjawab dan dinamik; dan
- (e) Mempertahankan kedudukan guna tenaga penuh dan meningkatkan paras daya pengeluaran.

Sebagaimana kita sama-sama maklum negara kita sangat-sangatlah memerlukan tenaga manusia yang mahir dan cukup demi untuk memenuhi kehendak-kehendak kemajuan negara kita. Selain dari menghantar penuntut-penuntut dan

Harapan kepada pelajar UBD

CAPAI TAHAP KELULUSAN YANG TINGGI



UCAPAN penuh Yang Berhormat Pehin Orang Kayah Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib, Menteri Pelajaran di majlis perasmian orientasi Universiti Brunei Darussalam semasa 1987/88 bertempat di Dewan Jubah Perak Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah pada 17 Ogos, 1987.

pegawai-pegawai kerajaan keluar negeri untuk mengikuti kursus-kursus dan latihan-latihan tertentu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menyediakan kursus-kursus dan latihan-latihan di dalam negeri di bidang-bidang akademik, teknikal dan vokasional semata-mata untuk menambah bilangan tenaga manusia yang mahir dan terpelajar bagi kepentingan kemajuan negara. Penubuhan Universiti Brunei Darussalam di dalam tahun 1985 adalah antara lain dihasratkan untuk mendukung cita-cita yang sama. Sesuai dengan hasrat ini Universiti Brunei Darussalam telah mengenalpasti objektif-objektif seperti berikut:—

- (a) Untuk mencapai tahap kecemerlangan dalam melaksanakan fungsi pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan masyarakat;
- (b) Untuk berpegang kepada tradisi mencari ilmu dan kebenaran serta memegang peranan sebagai ejen perubahan yang munasabah dan konstruktif demi kebaikan negara dan rakyatnya;
- (c) Untuk berusaha memenuhi keperluan dan hasrat negara ke arah penubuhan masyarakat yang bersatu, setia dan harmoni; dan
- (d) Ke arah memperbaiki keadaan ekonomi, sosial dan kebudayaan negara, Universiti Brunei Darussalam bertujuan untuk menghasilkan tenaga manusia, penyelidikan dan kegiatan ko-kurikula yang relevan.

Selaras dengan objektif-objektif yang tersebut ini maka Universiti Brunei Darussalam telah merangka kursus-kursus pengajian yang relevan yang mana setakat ini berjalan dengan baik. Bidang-bidang kursus dan pengajian ini akan terus diperkembangkan dari semasa ke semasa selaras dengan keperluan negara. Sayugia diingatkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setiap tahun memperuntukkan perbelanjaan yang banyak di bidang pelajaran termasuklah di peringkat pengajian tinggi. Komitmen kerajaan di bidang pengajian tinggi di Universiti Brunei Darussalam ini hanya akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya jika semua pihak di universiti ini menyedari akan tanggungjawab masing-masing dan dapat menjalankannya dengan penuh dedikasi.

Bagi tuan-tuan dan puan-puan sebagai mahasiswa-mahasiswi baharu amat perlulah menyedari akan hakikat ini. Seperti yang telah saya nyatakan awal-awal tadi tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan adalah amat besar dan mencabar. Pembelajaran di peringkat universiti adalah jauh berbeza dari kaedah yang terdapat di peringkat persekolahan. Tuan-tuan dan puan-puan perlulah mempunyai kesediaan untuk banyak membuat kerja sendiri, membaca buku-buku rujukan di samping buku-buku teks, melibatkan diri dalam perbincangan dengan pensyarah-pensyarah dan sesama penuntut dan menyediakan sendiri nota-nota tambahan di samping

nota yang dicatat semasa kuliah. Kesemua ini akan memerlukan masa yang banyak yang mana dalam tradisi pembelajaran di universiti tidak menjadi hairan jika seseorang pelajar menghabiskan 60 jam seminggu kepada kegiatan-kegiatan serupa ini. Oleh itu tuan-tuan dan puan-puan amat perlulah mentadbir masa tuan-tuan dan puan-puan dengan bijaksana, lebih lagi bagi mahasiswa-mahasiswi yang sudah berumah tangga.

Sebagai mahasiswa-mahasiswi yang terpilih untuk belajar di Universiti Brunei Darussalam, tuan-tuan dan puan-puan adalah rupakan orang-orang yang berkecayaan dan berkeupayaan untuk dapat mengikuti kursus-kursus di universiti ini. Saya percaya yakin bahawa dengan kebolehan tersebut masalah-keciliran tidak akan timbul setentunya tuan-tuan dan puan-puan akan dapat menamatkan kursus masing-masing dengan jayanya. Tetapi perlulah juga diingat bahawa tujuan kita menuntut ilmu di universiti ini bukanlah setakat untuk lulus sahaja tetapi kelulusan yang diperolehi itu biarlah mencapai tahap yang tinggi. Saya ingatkan yang mahasiswa-mahasiswi Universiti Brunei Darussalam ini mempunyai satu sikap positif terhadap usaha ke arah pencapaian yang cemerlang baik di bidang akademik mahupun di dalam bidang kokurikula. Tuan-tuan dan puan-puan setentunya memahami bahawa sesebuah universiti sesuai sifatnya sebagai pusat pengajian tinggi sewajarnya

Lihat muka 10

BERITA RINGKAS

Majlis forum

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan satu majlis forum sempena Jubli Perak jabatan tersebut pada 29 Ogos, 1987 jam 7.45 malam bertempat di Balai Pameran jabatan tersebut.

Forum kali ini akan membincangkan sekitar tajuk "Peranan Perpustakaan Terhadap Masyarakat".

Majlis tersebut terbuka kepada orang ramai untuk mengahdirinya.

Diberhenti sementara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dimaklumkan kepada semua ahli dan pembaca Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka bahawa sepanjang cuti penggal persekolahan mulai 12 hingga 20 September 1987, Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak dihentikan buat sementara.

Perkhidmatan akan dibuka semula sebaik-baik sahaja sekolah dimulakan pada 21 September 1987.

Peraduan membaca puisi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) akan mengadakan peraduan membaca puisi yang terbuka kepada murid-murid sekolah-sekolah rendah di Daerah Brunei dan Muara yang berumur semasa hingga tiga belas tahun.

Peraduan tersebut akan bermula pada pertengahan bulan September depan. Setiausaha Peraduan Dayang Halimah binti Yaman, meminta guru-guru besar sekolah-sekolah berkenaan supaya akan memulangkan borang-borang yang telah diedarkan tidak lewat daripada 30 Ogos depan.

Rancangan Keluarga Angkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam telah dipelawa pada kali ke-4 untuk menyertai program pertukaran belia iaitu Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara.

Kapal Belia ini akan singgah di negara ini pada 4 hingga 8 November 1987 dengan membawa 252 orang belia dan beliawanis. Salah satu acara di masa kapal tersebut singgah di negara ini ialah "Rancangan Keluarga Angkat" (Homestay).

Borang-borang dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama, Berakas tidak lewat daripada 30 September depan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersama Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Indonesia dan isteri serta Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura di jamuan makan malam merayakan ulangtahun ke-42 Pengisytiharan Kemerdekaan Republik Indonesia. — Gambar oleh Harun Rashid.

Kedutaan Besar Republik Indonesia raikan ulang tahun kemerdekaan

JERUDONG. — Kedutaan Besar Republik Indonesia di sini merayakan ulang tahun ke-42 Pengisytiharan Hari Kemerdekaan Indonesia pada malam Selasa 17 Ogos lepas di Kelab Polo Diraja, Jerudong Park.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke majlis itu selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia telah dijunjung oleh Duta Besar Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Haji Ferdy Salim dan isteri serta barisan kakitangan kedutaan yang berpakaian tradisional Indonesia dan seterusnya dipersembahkan tarian 'Pendet', sebuah tarian dari Pulau Bali yang biasanya ditarikan bagi mengulangi kedatangan seseorang pembesar atau orang-orang kenamaan.

Setelah itu isteri Tuan Yang Terutama menyebarkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia sepiring 'Tumpeng', nasi tradisi yang biasanya dihidangkan di majlis-majlis beristiadat.

Jamuan makan malam itu juga dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura dan isteri serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan isteri masing-masing.

Majlis itu juga diserikan dengan nyanyian dan persembahan kebudayaan oleh artis-artis dari Indonesia.

USAHASAMA MEMERANGI PENYAKIT AIDS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sidang Mesyuarat Menteri-Menteri antara Rantau Australia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengenai AIDS telah mengadakan beberapa pengisytiharan mengenai tindakan dan usahasama bagi memerangi penyakit AIDS dengan bantuan dan kerjasama yang akan diberikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan negara-negara ahlinya.

Pengisytiharan itu dibuat di akhir mesyuarat tersebut yang berlangsung bulan lepas di Parramatta, Sydney di New South Wales, Australia.

Seramai 28 buah perwakilan dari negara-negara Rantau Pasifik Selatan dan Asia Tenggara telah menghadiri mesyuarat tersebut. Negara kita diwakili oleh lima orang perwakilan yang diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin. Menyertai rombongan Menteri Kesihatan ialah Pakar Perubatan, Pakar Kaji Penyakit, Ketua Juruteknik Makmal dan Pegawai Pentadbir di Kementerian Kesihatan.

Mesyuarat yang berlangsung selama empat hari itu membincangkan perkara pendedahan kepada isu-isu semasa berkaitan dengan kesan-kesan dan masalah penyakit AIDS dari segi politik, ekonomi, sosial dan undang-undang.

Selain itu, ianya juga memberi kesempatan kepada perwakilan dalam bidang kepakaran perubatan yang tertentu untuk membuat perbincangan dan bertukar pendapat serta maklumat dalam pengalaman mereka merawat, mengendalikan dan mengesan penyakit atau pesakit AIDS.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar juga



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar mengetuai perwakilan dari Brunei Darussalam dalam Mesyuarat Menteri antara Rantau Australia/Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengenai AIDS.

kemudiannya mengadakan lawatan rasmi selama seminggu ke Australia Selatan atas undangan kerajaan wilayah tersebut.

Dalam lawatan tersebut, Yang Berhormat telah mengadakan beberapa perjumpaan dan perbincangan dengan Pemangku Perdana Menteri, Pemangku Menteri Kesihatan dan Menteri Pembangunan Negara bagi Kerajaan Wilayah Australia Selatan, serta lawatan ke sebuah buah Rumah Sakit Besar, syarikat-syarikat industri pengeluaran ubat-ubat dan alat-alat perubatan baru dan moden.

Bersama dalam lawatan tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan Dato Paduka Dr. Haji Johar dan rombongan semasa mengadakan perjumpaan dan mendengar taklimat daripada Suruhanjaya Kesihatan Australia Selatan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-395

SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI

Kitab-kitab yang menyebutkan perkara Al-Imam Al-Mahdi

SETENGAH dari kitab-kitab yang menyebutkan perkara Al-Imam Al-Mahdi ialah kitab Al-Haawi lilfataawi bagi Al-Imam As-Sayuti yang hidup tahun 849 sehingga 911 Hijrah dalam risalah bernama Al-'Arful waradiyyu fii akhbaaril mahdaiyyi. Kitab Al-Haawi ini dicetak di Mesir dan Al-Imam Ibnu Hajar dalam Adh-Dhawaa'iqul Muhriqah dan dia menyebutkan suatu jumlah yang besar hadis-hadis tentang Al-Mahdi, yang mana ianya juga telah dicetak di Mesir dan lain-lain lagi kitabnya. Tersebut juga dalam 'Aqiidatu ahliil islami fi nuzuuli 'Isaa Alahis Salam karangan Al-Allamah Ash-Shaikh Abdullah Muhammad As-Siddiq Al-Ghumari Al-Hasani Al-Maghribi Hafizahullah dicetak di Mesir di Maktabah Al-Kaherah Al-Azhar dan dalam kitab At-Tasrihu bimaa tawaatara fi nuzuulil masih karangan Al-Allamah Ash-Shaikh Muhammad Anwar Shah Al-Kashmiri dicetak di Suria dan dijual di Bairut dan Al-Madinah Al-Munawwarah bitahqiqi Ash-Shaikh Abdul Fattaah Abu

Ghuddah Hafizahullah. Tersebut dalam Is'aafur raaghibiina lilallaamati Muhammad As-Sabbaan yang meninggal tahun 1206 Hijrah yang mana dicetak di Mesir dan dalam Al-Ishaa'atu fi ashraatis saa'ati lilallaamati as-Syed Muhammad bin rasul Al-Barzanji, dalam Al-Futuuhatul islaamiyyah ba'da midhiyyil futuuhatin nabawiyyah lil'aarifi billahi As-Syed Ahmad bin Zaini Dahlan Mufti Mekah yang meninggal tahun 1304 Hijrah, dalam Ad-Duratul mudhiyyatu fi aqiidatul firqatil mardhiyyati lil'allamah as-saffaariini yang hidup tahun 1114 sehingga 1188 Hijrah katanya: Nas-nas yang datang dalam perkara hari kiamat semuanya benar, setengah daripadanya Al-Imam Al-Mahdi (Al-Khaatimul fasihi Muhammad) dan Al-Masih Nabi Isa. Dalam Al-Jawwaabul Muqni'ul muharraru firraddi 'ala man taghaa watajabbara bida'waa annahu 'Isaa awil mahdiyyul muntazaru lishaiikhina Al-allamah Muhammad habibullah ash-shanqiiti rahimahullahu, dalam fatwa Nuzuulu 'Isa Alahis Salam lishaiikh fu-

qahaee mesra Ash-Shaikh Muhammad bukhiitil mutiiei yang meninggal tahun 1354 Hijrah Mufti Mesir yang dicetak bersama Aqidah Ahliil Islam, semuanya itu dalam Bahasa Arab dan Anwaarul Quraanil Maahiyatu lid-zulumaati mutannibaie qaadiyaani lilallamah Mufti Johor Dato As Syed Alwi bin Tahir Al-Haddad yang meninggal tahun 1382 Hijrah dicetak dalam warta Jabatan Agama Johor bilangan 79, 80, 81 dan 82 tahun 1376 Hijrah dalam sebuah risalah 4 penggal. Semuanya sayugia dibaca oleh siapa yang suka tahu, bagaimana ulama Islam dari awal Islam telah menjaga dan memelihara hukum-hukum Islam seperti perkara Al-Mahdi, Nabi Isa dan lain-lain supaya jangan datang orang-orang yang mengaku mengada-adakan atau menidakkan perkara-perkara seperti itu.

Hadis-hadis berkenaan Al-Imam Al-Mahdi:

Hadis Pertama:

Daripada Naafi' maulaa Abi Qataadah Al-Ansari bahawa sahabat Abu Hurairah telah berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam telah bersabda yang ertinya: "Bagaimana kamu ketika turun Isa bin Maryam kepada kamu, dan imam kamu (perintah) kamu daripada bangsa kamu?" Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Imam Abdul Razzaq dan Ahmad dan Ash-Shaikh (Al-Bukhari dan Muslim).

Menurut riwayat Muslim yang ertinya: "Bagaimana kamu apabila turun kepada kamu Isa bin Maryam dan dia memerintah kamu dari kamu." Berkata Ibnu Abi Dzi'bu rawi hadis ini: Yakni dia menuju dan membawa kamu dengan menurut kitab Tuhan kamu (Quran) Tabarak Wata'ala dan Sunnah Nabi kamu (hadis) Sallallahu Alaihi Wasallam. dari Aqidah Ahliil Islam.

Hadis Kedua:

Daripada Abi Az-Zubair bahawa ia telah mendengar sahabat Jabir bin Abdullah berkata: Saya telah mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang ertinya: Sentiasalah satu puak daripada umat saya (Islam) memerangi kerana membela perkara yang benar dan hak dengan mereka men-

Siri keempat

dapat kemenangan. Begitulah hal mereka sehingga hampir hari kiamat. Sabdanya: Maka Nabi Isa bin Maryam Alaihi Wasallam turun (dari langit), dan berkata pemerintah mereka (umat Islam) kepada Nabi Isa. Sila sembahyang menjadi imam bagi kami, maka Nabi Isa menjawab: Tidak, bahawa setengah kamu menjadi pemerintah ke atas setengah kamu sebagai kehormatan Allah ke atas umat Islam. Yakni Nabi Isa turun dari langit ketika umat Islam hendak sembahyang Subuh dan ia menolak dari menjadi Imam Subuh itu, Al-Imam Al-Mahdi tampil ke hadapan menjadi imam sembahyang Subuh itu.

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Imam Muslim, Ibnu Hibban dalam sahih keduanya dan hadis ini ada beberapa Tariq (rawi) pada kitab-kitab Al-Imam Al-Imam Abu Ya'la dan Abu Nu'aim dalam perkara Al-



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Seri Utama Awang Haji Umar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan Brunei.

Imam Al-Mahdi dan terangkan juga dalam Kitab Sunan Imam dan Sunan Abu A-Daani dan dalam Abu Nu'aim dan Sunan 'Amru Ad-Daani menegakkan dengan terang-terang bahwa pemerintah umat Islam yang turun Nabi Isa ialah Al-Imam Al-Mahdi, dan hadis-hadis perkara Al-Imam Al-Mahdi adalah mutawatir sebagaimana telah ditegaskan oleh bukan hanya seorang daripada ulama Islam.

Berkata Ash-Shaikh Ghumari bahawa hadis itu adalah suatu hadis sahih bahkan ia hadis mutawatir sebagaimana saudaranya Hafiz As-Syed Ahmad Ghumari telah mementeraiq (jalan) dan rawi dalam risalahnya bernama Al-Ajwibat Saarifatushshkaali hadiithit taifah Al-'Aqidah.

WALLAHUAKLAM (Bersambung)



GAMBAR atas memperlihatkan rupabentuk duit-duit syiling keluaran Lembaga Matawang Brunei. Orang ramai yang ingin hendak membelinya bolehlah mendapatkan daripada Pejabat Lembaga Matawang Brunei, Bangunan Sekretariat tiap-tiap waktu bekerja. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Rombongan perubatan ke kawasan pedalaman

ROMBONGAN Perubatan menggunakan pesawat helikopter akan melawat ke kawasan-kawasan pedalaman mulai 1 September depan.

Jadual lawatan ke tiap-tiap kawasan adalah mengikut jadual lawatan, termasuk kawasan pedalaman tiap-tiap daerah:—

KAMPUNG	ULU	TARIKH HARI
Lopot	Temburong	1.9.87 Selasa
Lamaling	Temburong	2.9.87 Rabu
Ukong	Tutong	7.9.87 Isnin
Sukang	Belait	8.9.87 Selasa
Belabau	Tutong	9.9.87 Rabu
Melilas	Belait	14.9.87 Isnin
Supon Besar	Tutong	15.9.87 Selasa
Long Mayan	Tutong	16.9.87 Rabu
Bukit	Tutong	21.9.87 Isnin
Teraja	Belait	22.9.87 Selasa
Apak-Apak at 1100	Belait	23.9.87 Rabu
Buau	Tutong	28.9.87 Isnin
Benutan	Tutong	29.9.87 Selasa
Mapol	Tutong	30.9.87 Rabu
Lopot	Temburong	30.9.87 Rabu

Penerbangan tambahan akan diperlukan bagi Perkhidmatan Perubatan Terbang pada melawat Kampong Merangking, Ulu Belait, bagi bulan September 1987, jika keadaan jalan raya tidak dapat dilalui disebabkan banjir.

PENGELUARAN WANG SYILING SEMPENA ULANG TAHUN KE-20 LEMBAGA MATAWANG

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Matawang Brunei telah mula mengeluarkan empat jenis duit syiling peringatan dan "numismatics" pada 24 Ogos lalu bersempena dengan menyambut ulangtahun ke-20 Lembaga Matawang.

Duit-duit syiling yang bernilai \$100. Peruf Emas dicetak sejumlah 1000 keping berharga \$600.00 sekeping. Sementara duit syiling \$20. Peruf Perak yang dicetak 3000 keping dijual dengan harga \$60.00 sekeping.

Manakala duit-duit syiling peruf satu sen hingga seringggit (1 - \$1) dicetak 2000 keping berharga \$80.00 sekeping dan duit-duit syiling contoh 1 hingga \$1 juga dicetak 2000 keping dan berharga \$20.00 sekeping.

Rupa-rupabentuk di sebelah hadapan bagi setiap duit-duit syiling \$100 Peruf Emas dan \$20 Peruf Perak mempunyai persamaan rekabentuk yang menunjuk-

kan wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sementara rupabentuk di sebelah belakang menunjukkan gambar Masjid Omar Ali Saifuddin.

Bagi set duit-duit syiling Peruf Perak dan contoh dari jenis satu sen (1) hingga \$1 rupabentuk di sebelah hadapan mempunyai persamaan rekabentuk yang menunjukkan wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sementara rupabentuk di sebelah belakang mempunyai rekabentuk tempatan.

Satu sen mempunyai rekabentuk sekuntum atau setangkai bunga, lima sen rekabentuknya seekor burung, 10 sen rekabentuknya seekor binatang, 20 sen rekabentuknya sebatang



RUPABENTUK duit-duit syiling yang dikeluarkan oleh Lembaga Matawang Brunei sempena dengan ulangtahun ke-20 lembaga tersebut. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

pokok, 50 sen mempunyai rekabentuk Panji-Panji Negara Brunei Darussalam dan \$1.00 rekabentuk bedil.

Walaupun wang-wang syiling ini sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam, ianya tidak akan diperedarkan untuk orang ramai tetapi terutama sekali

dimaksudkan untuk pengumpul duit syiling.

Wang-wang syiling hanya boleh didapati dari Pejabat Lembaga Matawang Brunei. Bangunan Sekretariat, di sini pada tiap waktu bekerja mulai 8.00 hingga 11.30 pagi dan dari 2.00 hingga 5.30 petang.

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Apabila kita menyingkap kembali sejarah kelahiran dan pertumbuhan umat Islam dari abad ke abad, dapat kita lihat betapa hebatnya cabaran-cabaran dan renungan-renungan yang didapati oleh umat Islam dalam usaha mereka menyebarkan kalimah Allah. Dari zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sehinggalah ke hari ini Islam sentiasa menghadapi musuh-musuh yang begitu ghairah untuk menghancurkan ajaran-ajaran Islam dan orang-orang Islam itu sendiri. Musuh-musuh Islam itu tidak semuanya bergerak secara nyata. Sebaliknya tidak sedikit pula yang bergerak secara senyap-senyap.

Cara inilah yang nampaknya kesan sehingga umat Islam terlalai dan terperangkap hasil umpanan musuh. Banyak cara atau perangkap dipasang oleh musuh-musuh, antaranya menyerahkan fahaman-fahaman moden umpamanya sekularisma, materilisma, komunisma dan berbagai isma lagi. Kadang-kadang musuh-musuh itu menggunakan badan-badan sukarela yang berlabangkan sekularisme dan kemanusiaan. Dan kadang-kadang mereka menyebarkan pendapat-pendapat mereka yang menyesatkan menerusi buku-buku ilmiah.

Menerusi khutbah ini kita hanya akan bercakap secara umum dan ringkas

sebagaimana daripada fahaman-fahaman ciptaan manusia itu:—

(I) Sekularisma, bermaksud sebagai satu konsep yang berjuang kepada gerakan pemisah kehidupan duniawi dengan agama. Dengan kata lain sekularisma itu suatu fahaman yang berjuang kepada dunia semata-mata umumnya fahaman sekularisma itu memandang curiga terhadap nilai-nilai dan fakta-fakta agama. Mereka hanya percaya sesuatu perkara itu jika ada persesuaian dengan akal fikiran dan disokong dengan ilmu pengetahuannya yang ada, kerana mereka berfahaman dengan mengangap agama itu sebagai

Berawas-awas dengan fahaman ciptaan manusia

khayalan semata-mata. Tidak percaya kepada wujudnya hari kiamat, wujudnya Allah Taala dan berbagai-bagai lagi perkara-perkara ghaibiat.

(II). Fahaman Modenisma, fahaman ini anti tradisi. Memandang rendah mereka yang menghayati agama kerana kehidupan beragama itu tidak ada berfungsi lagi pada hari ini. Sebab itu mereka yang berfahaman ini cuba mencipta peraturan-peraturan dan falsafah-falsafah hidup mereka sendiri mengikut logik akal, pengalaman dan menepikan peranan agama itu. Mereka juga beranggapan bahawa mereka yang menghayati agama adalah sebagai kolot, primitif dan cetek fikiran.

(III). Komunisma. Fahaman ini ialah satu aliran kepercayaan yang menentang Islam seluruhnya. Fahaman ini tidak mempercayai sama sekali soal-soal ketuhanannya. Mereka beranggapan agama itu sebagai candu masyarakat. Tentangan komunisma ke atas Islam tidaklah terbatas kepada fikiran sahaja tetapi diiringi dengan perjuangan berdarah yang bertujuan untuk menghapuskan umat Islam dan menghindarkan kewujudan Islam dalam bentuk manusia.

Demikianlah serba sedikit huraian ringkas dan umum berhubung dengan fahaman-

fahaman ciptaan manusia yang menyesatkan akidah kepercayaan kita kepada Allah. Apa pun fahaman-fahaman ciptaan manusia tidaklah sesuai dan amat bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam itu sendiri, baik dari segi konsep, matlamat dan perlaksanaan.

Oleh yang demikian Islam menolak fahaman-fahaman ciptaan manusia itu dengan berdasarkan kepada beberapa perkara:—

I. Dilihat dari segi makna agama Islam, maka seorang mujahid Islam Allah Bراهيم Abul 'A'la Al-Maududi berpendapat bahawa Islam itu bukanlah suatu (religion) agama dalam pengertian yang sempit dan bukan juga suatu ideologi tetapi Islam adalah satu 'dinun' yang mencakup seluruh bidang kehidupan termasuk perhubungan manusia dengan Tuhan, perhubungan manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitarnya. Perkataan 'dinun' dalam Al-Quran tidak hanya merujuk kepada aspek-aspek sosial, ekonomi dan sebagainya. Ajaran Islam itu sendiri adalah dalam bentuk satu kesatuan yang padu yang harus diterima seluruhnya. Dan tidak harus dipecah-pecahkan, diterima sebahagian dan ditolak yang sebahagian lain.

Ketahuilah walaupun

beberapa aspek kehidupan itu bersifat duniawi seperti ekonomi, politik, kegiatan sosial dan sebagainya tetapi aspek-aspek itu tidak terlepas dari kawalan-kawalan agama malah untuk menuju pertolongan Allah sewajarnya disertai dengan semangat ketakwaan dalam batas hukum 'Ilahiyyah'.

II. Islam adalah rangkaian akidah, syariah dan akhlak yang membawa ciri-ciri kesempurnaan, berganjaran di hari kiamat. Sedangkan fahaman ciptaan manusia tidak boleh mencapai taraf akidah, syariah dan akhlak kerana ianya hanya kepentingan diri sendiri dan bersifat semasa.

III. Islam meyakini tanpa berbelah bahagi tentang kewujudan kuasa yang tinggi yang bersifat mutlak iaitu Allah Subhanahu Wataala sedangkan fahaman ciptaan manusia itu tidak memper-

cayai kewujudan Allah Taala.

Demikianlah serba sedikit penerangan umum akan fahaman-fahaman ciptaan manusia yang bertentangan dengan hukum Allah Taala. Hendaknya kita berawas-awas walaupun sedap disebut tetapi memberi kesan kepada akidah kita dan seterusnya cara hidup seorang Muslim. Ingatlah bahawa tipu daya terhadap agama Islam dan pemeluk-pemeluknya tidak pernah reda walaupun seketika di samping sejarah sejak zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam hinggalah ke hari ini. Allah Taala ada berfirman mengennainya dalam Surah Assaf ayat 8 yang tafsirnya:

"Mereka ingin memadamkan cahaya Allah dengan mulut-mulut mereka sedangkan Allah akan menyempurnakan cahayanya walaupun dibenci oleh orang musyrik."

SENYUM ADALAH SUATU KEBAJIKAN

MUKA atau wajah adalah di antara anggota tubuh badan manusia yang sangat mulia dan sempurna, kerana ia merupakan anugerah Allah Taala yang dilengkapi dengan mata, hidung, mulut dan sebagainya, dan dengan itu bertambah lagi kemuliaan dan kesempurnaan wajah tersebut.

Untuk mengenal batin seseorang itu, bolehlah dilihat dari keadaan bentuk yang terukir di wajahnya yang mulia itu; kalau ia sedang marah, gembira atau berduka akan terlukis di raut wajahnya senyuman atau kemasaman, iaitu sebagai bayangan atau gambaran daripada apa yang sedang dialaminya.

Dilihat dari tabiat manusia, ia hanya ingin dan suka melihat wajah yang sentiasa melukiskan senyuman kedamaian, iaitu senyuman yang terbit dari hati sanubari, walaupun hati sanubari itu sedang dilanda susah dan duka. Dan sekali-kali ia tidak suka melihat raut muka yang menunjukkan kemasaman atau kebencian.

Senyuman yang terukir indah di wajah seseorang itu tidaklah sia-sia, terutama ketika bertemu dan berpisah dengan saudara yang seagama dengannya kerana ia akan dapat lagi mempererat rasa persaudaraan. Bukan setakat itu saja, bahkan ia merupakan satu sedekah, atau lebih jelas lagi ialah bahawa senyuman itu adalah suatu amal ibadah yang kelak akan dibalas oleh Allah Subhanahu Wataala dengan pahala kebajikan, sebagaimana yang dijelaskan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda yang

Menuju keredaan Allah

diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan At-Tirmidzi yang kira-kira bererti:

Diriwayatkan dari Jabir bin Abdullah r.a. katanya: "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda: Setiap kebajikan itu adalah sedekah, di antara kebajikan itu termasuklah senyuman ketika bertemu dengan saudaramu dan engkau mengisikan air tempayanmu ke tempayan saudaramu."

Sabda Baginda lagi dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dan Ibnu Hibban dari Abi Zarr r.a., kira-kira bermaksud:

Senyumanmu di hadapan saudaramu itu adalah satu sedekah.

Senyuman yang dimaksudkan di sini ialah senyuman yang datang dari hati yang suci dan ikhlas dan bukan senyuman yang mengejek atau senyuman yang menggoda, kerana senyuman seperti ini adalah senyuman syaitan.

Di samping bersedekah dengan harta benda kepada fakir miskin, tanpa susah-susah bersedekah jugalah kepada saudaramu dengan memberi senyuman kedamaian kepadanya, iaitu sesuai dengan kemuliaan wajah pemberian Allah Taala itu.



DARI zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sehinggalah ke hari ini Islam sentiasa menghadapi musuh-musuh yang begitu ghairah untuk menghancurkan ajaran-ajaran Islam dan orang-orang Islam itu sendiri. Musuh-musuh Islam itu tidak semuanya bergerak secara nyata. Sebaliknya tidak sedikit pula yang bergerak secara senyap-senyap.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 26 Ogos hingga ke hari Selasa 1 September, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Ogos												
26	12.24	3.33	3.34	6.29	6.30	7.39	7.40	5.04	4.50	5.05	6.14	6.15
27	12.24	3.32	3.33	6.28	6.29	7.38	7.39	5.04	4.50	5.05	6.14	6.15
28	12.24	3.31	3.32	6.28	6.29	7.38	7.39	5.04	4.50	5.05	6.14	6.15
29	12.24	3.30	3.31	6.27	6.28	7.37	7.38	5.04	4.50	5.05	6.14	6.15
30	12.23	3.29	3.30	6.27	6.28	7.37	7.38	5.04	4.50	5.05	6.14	6.15
31	12.23	3.28	3.29	6.26	6.27	7.36	7.37	5.04	4.50	5.05	6.14	6.15
September												
1	12.23	3.27	3.28	6.26	6.27	7.36	7.37	5.04	4.50	5.05	6.13	6.14

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



LEBIH daripada 1,000 orang jemaah haji kita telah selamat balik ke tanahair selepas menunaikan fardu haji ke Tanah Suci Mekah.

Mereka terdiri daripada rombongan pertama, kedua dan ketiga. Pada hari ini ialah ketibaan balik jemaah haji kita dalam penerbangan keempat.

Tahun ini negara kita mencatatkan bahawa sejumlah lebih daripada 3,000 orang jemaah haji telah menunaikan fardu haji di Mekah dengan menggunakan pesawat Saudi Arabia yang disewa khas oleh Kerajaan.

Untuk pengetahuan ramai bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama, melalui Jabatan Urusan Haji mengumumkan bahawa ketibaan penerbangan jemaah haji kita yang kelima dan keenam adalah tidak berubah iaitu jam 6.45 pagi.

Walaupun bagaimanapun, kementerian tersebut belum lagi menerima waktu penerbangan ketujuh dan kelapan tiba ke negara ini.



RINDU seorang nenek terhadap seorang cucu memang sesuatu perkara yang sukar dielakkan apatah lagi kepergian itu memakan masa yang lama. Dalam gambar atas kelihatan seorang nenek mendukung cucunya yang baru balik menunaikan Fardu Haji.

GAMBAR kanan kelihatan salah satu keluarga yang menunaikan Fardu Haji menadah tangan ketika doa selamat dibacakan.



MENABURKAN beras kuning sebagai tanda kesyukuran menyambut kepulangan jemaah haji kita seperti kelihatan dalam gambar atas kiri merupakan tradisi kita yang tidak dapat lupakan kerana ianya adalah satu warisan budaya bangsa kita. Sementara gambar tengah kelihatan sebahagian daripada jemaah haji penerbangan kedua turun dari tangga Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

GAMBAR atas kanan pula merakamkan suasana kepulangan jemaah-jemaah haji dalam penerbangan kedua.



JEMAAH HAJI KITA SELAMAT BALIK KE TANAH AIR

Gambar-gambar oleh Haji Sharbini Taha dan Pg. Haji Yaakub



SALAH seorang kanak-kanak kecil dengan berpakaian jubah berjalan dengan penuh riang selepas pulang menunaikan Fardu Haji.





JEMAAH HAJI KITA SELAMAT BALIK KE TANAH AIR

Gambar-gambar oleh Haji Sharbini Taha
dan Pg. Haji Yaakub



SALAH seorang kanak-kanak yang selamat menunaikan fardu haji terpaksa menaiki kerusi roda dengan bantuan dari pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, yang ditugaskan mengiringi para jemaah haji.

ANTARA para jemaah haji penerbangan pertama ketika menuruni tangga se-jurus ketibaan mereka di sini. Juga kelihatan di sini ialah salah seorang dari jemaah haji perempuan yang turut sama menunaikan fardu haji ke Tanah Suci Mekah tahun ini.

Segara jumpa doktor jalani pemeriksaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu wabak penyakit Jangkitan Selaput Otak (Meningitis) telah dilaporkan di Mekah, Arab Saudi.

Dua orang jemaah haji kita yang baru balik dari menunaikan Fardu Haji telah dijangkiti oleh penyakit tersebut semasa berada di Mekah dan pada masa ini telah diberi rawatan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Penyakit ini adalah sangat-sangat berjangkit.

Sesiapa jua daripada orang-orang yang baru balik daripada menunaikan Fardu Haji mendapati dirinya mengidap beberapa gejala-gejala penyakit seperti yang disebutkan di bawah, hendaklah segera berjumpa doktor untuk menjalani pemeriksaan!

- * Demam panas yang mengejut
- * Sakit seluruh bahagian kepala
- * Muntah-muntah
- * Kencang leher
- * Sakit belakang dan lemah badan
- * Ruam (bintik-bintik merah) di semua bahagian tubuh badan.



KELIHATAN dalam gambar ini ialah jemaah-jemaah haji yang telah disambut oleh keluarga masing-masing. Juga kelihatan ialah antara kaum keluarga para jemaah ketika masih menunggu keluarga masing-masing.



WAJAH-wajah riang antara para jemaah haji seperti dalam gambar ini, satu pertanda kesyukuran kerana selamat menunaikan ibadat haji dan selamat balik ke tanahair.



BARISAN sebahagian dari para jemaah haji penerbangan kedua yang tiba di negara ini pada hari Jumaat, 21 Ogos lalu.

SELAMAT BERANGKAT BALIK

GAMBAR-gambar oleh Pg. Haji Yaakub



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna turun dari kapal terbang sejurus pesawat yang membawa Yang Teramat Mulia selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz, Grand Chamberlain berserta rombongan telah selamat berangkat balik dari Tanah Suci Mekah setelah sempurna menunaikan fardu Haji.

Keberangkatan balik Yang Teramat Mulia pada pagi Rabu lepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas telah disambut oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan Negara Brunei Darussalam serta kerabat-kerabat Diraja yang lain.

Juga berada di lapangan terbang bagi mengalu-alukan keberangkatan balik Yang Teramat Mulia termasuklah Yang Dimulikan Pehin-Pehin serta pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dijunjung ziarah oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei yang mengalu-alukan keberangkatan balik Yang Teramat Mulia (kanan).

YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz, Grand Chamberlain menerima pelukan ziarah dari salah seorang yang mengalu-alukan keberangkatan balik (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan berbual mesra dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna sebelum berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas. Juga kelihatan dalam gambar ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Haji Hashim.



BERAKAS. — Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah berlepas ke Republik Persekutuan Jerman Khamis lepas bagi lawatan selama 10 hari atas undangan negara itu.

Ketua Pegawai Perhubungan Awam Kementerian itu Awang Matassim berkata lawatan tersebut bertujuan bagi meninjau perkembangan-perkembangan sukan dan kebudayaan di sana termasuk mengadakan perbincangan-perbincangan di samping mengadakan lawatan-lawatan ke beberapa tempat.

"Lawatan itu meliputi muzium dan pusat-pusat kebudayaan di Frankfurt, Munich dan Berlin Barat," jelasnya.

Turut menyertai lawatan itu termasuklah Yang Mulia Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan Pengiran Asmalee, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Awang Haji Ahmad Kadi, serta beberapa orang pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan Muzium.

Mengucapkan selamat belayar kepada rombongan ialah, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali dan juga Setiausaha Pertama Canceledor Republik Persekutuan Jerman ke Negara ini Tuan Kurt Kayfer.

Tinjau perkembangan sukan



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien dan rombongan berlepas ke Republik Persekutuan Jerman bagi lawatan 10 hari di sana. — Gambar oleh Harun Rashid.

P'khidmatan speedpost ke Republik Indonesia

BANDAR SERI BEGAWAN — Untuk pengetahuan umum, ramai bahawa mulai 27 Julai 1987 Pentadbiran Pos Republik Indonesia telah meluaskan perkhidmatan penyerahan speedpost ke bandar-bandar utama seperti berikut: —

Semarang — (Pulau Jawa)
Surabaya — (Pulau Jawa)
Denpasar — (Pulau Jawa)
Medan — (Pulau Sumatera)
Batam — (Pulau Riau)
Ujungpandang — (Pulau Sulawesi)
Balikpapan — (Pulau Kalimantan)

15 RIBU BANJIRI ISTANA NURUL IMAN

Dari muka 1

Keberangkatan tiba baginda telah dijunjung dan dialu-alukan oleh ahli-ahli Jawatan Kuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Hari Keputeraan baginda dan seterusnya diiringi ke dewan persantapan bagi menikmati jamuan dengan didahului oleh pukulan hadrah dari Pasukan Hadrah Kampong Sungai Pandan.

Doa kesyukuran dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Siraja Khatib Haji Abd. Hamid bin Pehin Setia Pahlawan Haji Mohd. Jaafar.

Berangkat sama ialah putera sulung baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Rakyat dan penduduk yang terdiri dari pelbagai lapisan umur yang sejak awal lagi menanti saat keberangkatan tiba baginda, tidak melepaskan peluang menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda sebaik saja baginda beredar dari dewan persantapan. Kegembiraan jelas terbayang di wajah baginda di sepanjang majlis berlangsung.

Bagi saat-saat demikian bahagian besar rakyat dan penduduk yang tidak berkesempatan berjunjung ziarah atas keberangkatan balik baginda dari menunaikan faridu haji baru-baru ini, majlis ramah mesra hari itu tidak dibiarkan begitu saja malah digunakan dengan sebaik-baiknya untuk bersalaman dengan baginda.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Abd. Aziz, Menteri Perhubungan dan Tuan Yang Terutama Tuan Salvador H. Laurel, Naib Presiden dan Setiausaha bagi Hal Ehwal Luar Republik Filipina bertukar dokumen perjanjian. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Brunei Darussalam- Republik Filipina tandatangani perjanjian udara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Filipina telah menandatangani satu perjanjian udara antara kedua buah negara bertempat di Dewan Majlis Lapau di sini pada 24 Ogos lalu.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila

Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sementara Naib Presiden dan Setiausaha Menteri bagi Hal Ehwal Luar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Salvador H. Laurel mewakili Kerajaan Filipina.

Dalam perjanjian itu, kedua belah pihak mengharapkan untuk terus mengeratkan tali persahabatan dan hubungan kerjasama, persefahaman antara kedua buah negara selaras dengan semangat kerjasama ASEAN.

Di perjanjian itu, kedua buah negara akan meneruskan penerbangan masing-masing dua kali seminggu yang sudah dimulakan sejak tahun 1976.

Sejauh ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengadakan perjanjian udara dengan Singapura, Indonesia, Thailand, Maldives dan Nepal.

Wujudnya pasukan pancaragam sekolah Latih penuntut tanam semangat kasih sayang kepada negara

Oleh Bolhassan HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali berkata, wujudnya pasukan pancaragam sekolah dan maktab dapat melatih, membentuk para penuntut untuk menanam semangat kasih sayang bukan sahaja di kalangan pertubuhan itu, tetapi juga kepada masyarakat dan negara.

"Semoga semangat ini akan dapat dipertahankan dan mendatangkan faedah bukan sahaja semasa di sekolah atau di maktab, bahkan juga jika boleh diteruskan untuk masa-masa yang akan datang," seru Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berucap demikian ketika merasmikan Pertandingan Pancaragam Sekolah-sekolah dan Maktab-maktab Peringkat Negara yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di sini pada Ahad, 23 Ogos, lepas.

Terdahulu sebelum itu, pengerusi pertandingan, Awang Abd. Razak bin Haji Metassim, Pengetua Sekolah Menengah SMJA, telah memberikan ucapan alu-aluan.

Pasukan Pancaragam Maktab Sultan Omar Ali

Saifuddin berjaya mengekalkan kejuaraan dua tahun berturut-turut dalam pertandingan pancaragam sekolah-sekolah dan maktab-maktab peringkat negara kali ke-8.

Manakala naib juara disandang oleh pasukan pancaragam Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong dan ketiga jatuh kepada pasukan pancaragam Sekolah Menengah Berakas.

Sebanyak tujuh buah pasukan pancaragam dari sekolah-sekolah dan maktab-maktab seluruh negara menyertai pertandingan pada pagi itu yang dianjurkan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah, Bahagian Kegiatan Luar Unit Akli, Kementerian Pelajaran dan dikelolakan oleh Sekolah Menengah SMJA.

Drum Major terbaik pada tahun ini dimenangi oleh Awang Auzzali bin Haji Ibrahim juga dari Maktab SOAS. Kedua ialah Sekolah Menengah Chung Hwa dan ketiga Sekolah Menengah Berakas.

Pasukan pancaragam Maktab SOAS bukan sahaja telah berjaya menjadi juara dua tahun berturut-turut, malah pernah tiga kali berturut-turut juara sejak pertandingan pancaragam mula diadakan pada tahun 1978.



KETUA pasukan pancaragam dari Maktab SOAS, Awang Auzzali bin Haji Ibrahim menerima piala yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Mohd. Ali. — Gambar oleh Harun Rashid.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 19 Ogos, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN — 2085

- 1) Mee Suah (120g) Cap Orang Merah sebungkus 50 sen.
 - a) Kedai Chop Ken Ken B2, Jalan Robert.
 - b) Kedai Chop Hen Long 31 Jalan Sultan.
- 2) Serbuk Santan (\$0g) sebungkus 70 sen.
 - a) Kedai Taste Top Trading Co. No. 144 A Jalan Pemancha.
- 3) Lada Botol (Maggi) Berbawang Putih sebotol \$1.60.
 - a) Kedai Taste Top Trading Co. 144A Jalan Pemancha.

TUTONG — 5082.

- 1) Mee Suah (120g) Cap Orang Merah sebungkus 60 sen.
 - a) Chop Tong Huat No. 17 Jalan Enche Awang.
- 2) Serbuk Santan (60g) sebungkus 80 sen.
 - a) Soon Lee Mini Mart 1 Jalan Enche Awang.
 - b) Lim Kian Seng No. 3 Jalan Enche Awang.
- 3) Lada Botol (Maggi) Berbawang Putih sebotol \$1.60.
 - a) Kedai Soo Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.
 - b) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.

SERIA — 7087

- 1) Mee Suah (120g) Cap Orang Merah sebungkus 50 sen.
 - a) Kedai Soon Kheng No. 52, Jalan Bunga Kuning.
 - b) Kedai Choo Heng and Company No. 30 Jalan Sultan Omarali.
- 2) Serbuk Santan (\$0g) sebungkus 70 sen.
 - a) Kedai Chin Siong Hing No. 3 Jalan Sultan Omarali.
 - b) Kedai Poh Shing No. 6, Jalan Sultan Omarali.
- 3) Lada Botol (Maggi) Berbawang Putih sebotol \$1.50.
 - a) Kedai Chop Kian Huat 53 Jalan Bunga Kuning.

KUALA BELAIT — 6083

- 1) Mee Suah (120g) Cap Orang Merah sebungkus 45 sen.
 - a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45, Jalan Pretty.
- 2) Serbuk Santan (\$0g) sebungkus 70 sen.
 - a) Chop Yee Seng No. 46, Jalan Pretty.
- 3) Lada Botol (Maggi) Berbawang Putih sebotol \$1.50.
 - a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45 Jalan Pretty.



PESTA Karangan bukan hanya untuk berhibur tetapi juga memberi peluang kepada para pengunjung menunjukkan kebolehan masing-masing. Kelihatan dalam gambar salah seorang dari mereka dengan tekun dan teliti meraut 'gegawi' yang turut dipertandingkan oleh pihak penganjur.



PENGUNJUNG-PENGUNJUNG yang membanjiri Pesta Karangan di Daerah Temburong baru-baru ini.

Pesta Karangan hibur ramai penonton

Liputan Abd. Karim HAB

Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

RATUSAN pengunjung tempatan dan dari luar Daerah Temburong membanjiri Taman Batang Duri yang terletak kira-kira lapan kilometer dari Pekan Bangar minggu lalu.

Pesta Karangan yang merupakan salah satu acara perayaan sempena ulang tahun puja usia ke-41 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, diadakan di sekitar taman berkenaan dari pukul 9.00 pagi hingga lewat petang dengan pelbagai acara sukan, nyanyian dan pertunjukan bunga-bunga hidup.

Acara sukan termasuk perlumbaan basikal BMX dan kereta 'control' dan permainan gasing termasuk juga acara menendang bola memasuki 'target' yang disediakan bagi jempunan khas, di samping diserikan dengan persembahan pancaragam dari sebuah 'band' tempatan.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Abd. Hamid

bin Haji Ismail selaku tetamu kehormat telah merasmikan pesta berkenaan dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang Peraduan Bunga-bunga hidup 1987 di salah satu tapak yang dikhaskan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid merupakan salah seorang pengunjung telah meluangkan masa meninjau sekitar kawasan pesta dan Mini Zoo Taman Batang Duri diiringi oleh Pegawai Daerah Temburong dan pegawai-pegawai kanan di daerah berkenaan.

Mini Zoo Taman Batang Duri baru saja dibuka telah menarik perhatian orang ramai. Kebanyakan binatang-binatang yang terdapat di sana terdiri dari binatang tempatan di samping binatang-binatang dari luar negeri.



KEMUNCULAN pelbagai alat permainan bentuk baru tidak menggugut minat orang-orang kita untuk terus mengekalkan alat-alat permainan tradisional sebagaimana yang tertera dalam gambar ini. Kelihatan sebahagian peserta peraduan dengan gaya masing-masing berusaha agar gasing mereka terus berputar.



ACARA perlumbaan 'Kereta Control' juga telah diadakan dalam pesta tersebut. Kelihatan dalam gambar sebahagian daripada peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

CAPAI TAHAP KELULUSAN YANG TINGGI

Dari muka 2

berpegang kepada konsep kecemerlangan. Universiti Brunei Darussalam sebagai sebuah universiti tunggal di negara ini akan lebih-lebih lagi mengambil perhatian yang berat mengenai konsep tersebut. Dengan kedudukan negara kita yang kecil dari segi saiz dan penduduk, amat perlulah universiti kita ini mengeluarkan graduan-graduan yang cekap, bermutu dari segi keilmuannya, mempunyai ciri-ciri kepimpinan, bermental tinggi dan berkeyakinan. Oleh itu saya berharap kepada mahasiswa-mahasiswi baharu supaya

sama-sama menyedari akan pentingnya bagi tuan-tuan dan puan-puan melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan kokurikula. Kegiatan-kegiatan serupa ini adalah diharapkan untuk dapat melatih tuan-tuan dan puan-puan lebih bertanggungjawab, sensitif kepada keperluan dan masalah masyarakat, mendedahkan diri kepada ciri-ciri kepimpinan supaya kita dapat menghargai akan keperluan untuk memimpin diri dengan sikap menghargai peraturan dan disiplin. Melalui Majlis Perwakilan Dewan Pelajar, tuan-tuan dan puan-puan akan dapat melibatkan diri

secara langsung dalam memikirkan, merancang dan melaksanakan kegiatan-kegiatan kokurikula yang boleh mendekatkan kita kepada pencapaian objektif-objektif tersebut.

Universiti Brunei Darussalam telah memperkenalkan rancangan belajar setahun di luar negeri sebagai salah satu motivasi kepada pelajar-pelajar yang telah menamatkan tahun dua dengan mencapai keputusan akademik tinggi dan menunjukkan bakat kepimpinan. Pelajar-pelajar ini yang mengikuti program akademik di universiti luar akan

diiktiraf sebagai memenuhi keperluan Universiti Brunei Darussalam bagi tahun ketiga. Mereka akan kembali dan meneruskan pengajian peringkat akhir di sini. Pada tahun ini Universiti Brunei Darussalam telah menghantar lima orang pelajar ke Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah skim ini dan empat orang lagi akan menyusul pergi ke United Kingdom untuk belajar di Universiti Durham dan Kent. Pihak Universiti Brunei Darussalam telah mencapai persefahaman dengan beberapa buah universiti di United Kingdom dan Malaysia bagi tujuan ini dan di tahun-tahun yang akan

datang insya-Allah, Universiti Brunei Darussalam akan menghantar lagi banyak penuntut-penuntut yang terpilih.

Sebagai penutup ucapan saya ini, saya ingin sekali lagi mengingatkan kepada tuan-tuan dan puan-puan bahawa kejayaan itu adalah banyak bergantung kepada mutu daya usaha kita sendiri. Dengan kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita seharusnya

tidaklah lagi boleh beralasan kita tidak boleh mencapai kejayaan. Persoalan tuan-tuan dan puan-puan bukanlah sama ada tuan-tuan dan puan-puan boleh lulus, tetapi sebagaimana untuk lulus dengan cemerlang. Sesungguhnya perkara ini bukan perkara sukar dan bukan perkara mustahil tetapi merupakan hasil yang boleh malar perlu ditimbulkan oleh tuan-tuan dan puan-puan semua. Jika tuan-tuan dan puan-puan berjaya mencapai matlamat ini bererti tuan-tuan dan puan-puan akan dapat memenuhi salah satu kehendak utama pembangunan negara kita.

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGAMBILAN LELAKI YANG KE-74
BERAKHIR PADA 4 JANUARI 1988

SETERIA GAGAH DISANJUNG BANGSA DAN NEGARA
NEGARA AKAN BERBANGGA MEMPUNYAI PEMUDA GAGAH YANG SETERIA

BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI



Mendaftarlah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkiah
Negara Brunei Darussalam

Nama :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Umur :

Alamat Sekarang :

Kelulusan Sekolah :

Nama Ayah / Penjaga :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Tempat Lahir :

Alamat Sekarang :

No. Telefon Rumah/Pejabat :

Tandatangan : Tarikh :

NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK
DI TANGAN AWDA

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah 6 Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun, bujang atau beristeri.
4. Berat tidak kurang 47.25 kg, tinggi tidak kurang dari 1.54 meter dan berbadan sihat.
5. Awang-Awang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh ABDB.
6. Awang-Awang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti : Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.



YANG Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan menyaksikan salah sebuah jentera pertanian moden yang turut dipamerkan (atas).

MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail menarik telinting bagi merasmikan Pertunjukan Pertanian Negara 1987 (kanan).

SEBAHAGIAN daripada Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Tetap dan para jemputan khas yang hadir di majlis pembukaan rasmi pertunjukan pertanian pada hari itu (bawah kanan).

POSTER yang memenangi tempat pertama dalam bahagian peraduan melukis poster bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab (bawah).



PERTU

LIPUTAN TIMBANG BAKAR
GAMBAR-GAMBAR OLEH PG. HAJI YAKUB

BERAKAS. — Pertunjukan Pertanian Negara 1987 telah diadakan selama dua hari pada 22 dan 23 Ogos lepas di Dewan Muhibbah dan kawasan Jabatan Pertanian di sini. sempena sambutan perayaan hari keputeraan ke-41 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pertunjukan itu telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pg. Haji Damit. Sejurus selepas berucap di majlis itu Yang Berhormat dijunjung naik ke atas pentas di Dewan Muhibbah di mana sebuah model sawah padi telah dibina lengkap dengan padi, pondok, sebuah dorong padi dan telinting untuk menghalau burung pipit. Yang Berhormat naik ke pondok yang disediakan dan seterusnya menarik telinting buluh sebagai tanda perasmian pertunjukan pertanian itu.

Berbagai hasil, sumber dan aktiviti-aktiviti pertanian telah dipamerkan, seperti binatang-binatang ternakan, sayur-sayuran, buah-buahan, bijirin, hasil-hasil kraftangan, masak-masakan dan jentera-jentera dan peralatan ladang.

Turut juga dipamerkan berbagai jenis burung termasuk burung-burung merpati jenis besar yang berasal dari Amerika. Memelihara burung merupakan satu hobi yang boleh menambah pendapatan dan semakin digemari oleh penternak-penternak di negara kita.

Turut menyertai pameran tersebut ialah beberapa buah jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta antaranya ialah Jabatan Perhutanan, Kementerian Kewangan, Jabatan Perikanan, Jabatan Tanah, Pusat Latihan Pekerja Orang-Orang Cacat, Jabatan Kerja Raya dan Pusat Latihan

Pertanian Sinaut.

Jabatan-jabatan tersebut telah mempamerkan berbagai sumber dan aktiviti mereka yang ada dengan pertanian. Salah yang menarik perhatian ramai ialah pameran pemeliharaan lebah yang diternak untuk menghasilkan madu yang dijinakkan dan tidak nyengat.


Pertunjukan tersebut memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha bunga dan orkid menjual di gerai-gerai disediakan. Selain dari itu pameran pokok-pohon hiasan rumah atau tanaman bunga juga diadakan kawasan tersebut.

Pameran tersebut mendapat sambutan orang ramai di mana dibuka untuk kunjungan jam 9.00 pagi hingga malam.

Bagi memeriahkan lagi pertunjukan pertanian tabung-pihak penganjur juga mengadakan peraduan melukis poster bagi penuntut sekolah rendah menengah dan maktab. Poster-poster tersebut dipamerkan di Dewan Muhibbah yang menggugah hasrat tema pertunjukan tahun ini "Bersama Menteri Pembangunan Ke Arah Meningkatkan Pengeluaran Pertanian".

Di akhir majlis Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah mempersembahkan hadiah-hadiah kepada para pemenang dari beberapa bahagian pertunjukan yang diumumkan di awal, iaitu bahagian ternakan dan peraduan melukis poster. Manakala bahagian-bahagian lain menerima hadiah pada satu majlis penyampaian yang diadakan pada 24 Ogos oleh Setiausaha Tetap Penerimaan Kementerian Pembangunan Dato Seri Laila Awang Haji Mohd. Salleh.

PERTANIAN KE ARAH PRODUKTIVITI



Pertanian



A black and white photograph showing two men in suits walking through a greenhouse. The man on the left is wearing glasses and a dark tie, while the man on the right is wearing a light-colored tie. They are surrounded by various potted plants, including large leafy ones in the foreground.

YANG Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail menyaksikan pertunjukan bahagian taman dan pokok-pokok hiasan (atas).



salah satu punca kemerosotan hasil-hasil pertanian kerana semakin ramai para peladang meninggalkan kerjaya tersebut.

Selain daripada itu, meningkatkan pembangunan dan perkembangan di negara ini telah banyak memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat yang setenungunya dapat memberikan jaminan yang maksimum, terutamanya pekerjaan yang mempunyai glamor dan tarikan kepada muda-mudi seperti bekerja di pejabat, Istana Yang Berhormat lagi.

kepada rakyat yang mencari kerja," jelas Menteri Pembangunan.

Punca yang lain menurut Yang Berhormat lagi ialah kurangnya usaha-usaha untuk membuka ladang besar-besaran lengkap dengan sistem tali air yang efisien dengan kakitangan pengurusan yang berkebolehan dan dedikasi.

Kurang percaya kepada kebolehan dan kemampuan diri sendiri dan salah anggapan mengenai dengan peranan pertanian juga memainkan peranan penting dalam hal ini, kata Yang Berhormat menambah.

Kurang minat dalam bidang pertanian juga boleh timbul jika ejen-ejen yang bertanggungjawab dalam bidang ini seperti Jabatan

Pertanian dan kakitangannya mengamalkan sikap memper-tahankan status-quo dan tidak mahu membuat apa-apa usaha mencari objektif-objektif atau direction pertanian yang baru, menjalankan rancangan yang telah diatur dengan berani, berkesan serta membuat evaluation dan perubahan-perubahan yang tertentu terhadapnya.

Dalam kesempatan itu Yang Berhormat juga menegur sikap pegawai-pegawai pertanian yang ditugaskan di kampung-kampung yang masih belum dapat melibatkan diri mereka dengan mendalam dan berkesan dalam bidang kemajuan dan perkembangan pertanian di kampung-kampung.

"Orang-orang kampung pula menganggap mereka sebagai pelawat sambilan saja

dan dari itu tidak mahu menggunakan kebolehan mereka dengan baik dan berkesan," ujar Yang Berhormat.

Berikutan dari itu Yang Berhormat berpendapat perhubungan dan persefahaman rapat di antara pegawai-pegawai pertanian dan peladang-peladang masih belum lagi dapat dicapai dengan memuaskan.

Seterusnya Yang Berhormat menyarankan Jabatan Pertanian dan pegawai-pegawainya haruslah memainkan peranan utama dalam memajukan lagi bidang pertanian di negara ini.

"Ianya harus melibatkan diri dalam aspek-aspek mempraktikkan teknologi-teknologi pertanian berupa

pengeluaran atau production oriented dan bukannya semata-mata yang berupa penyelidikan atau research oriented sahaja. Apa-apa jua research atau penyelidikan yang dijalankan mestilah berupa amali yang boleh melibatkan pengeluaran hasil pertanian secara komersial," tegas Yang Berhormat.

Di samping itu Yang Berhormat juga menekankan kepada orang ramai supaya bekerjasama dengan kerajaan dalam apa jua bidang yang telah, sedang dan akan dibuat untuk memajukan pertanian.

Kepada pihak swasta, terutama peniaga-peniaga pasar raya Yang Berhormat berseru supaya jangan semata-mata menjual bahan-bahan makanan yang didatangkan dari luar sahaja.

dan tidak memberi peluang langsung kepada pedagang-pedagang tempatan untuk menyalurkan hasil-hasil pertanian di kedai-kedai mereka.

Sehubungan dengan itu Yang Berhormat berharap supaya perundingan harus diadakan segera antara peladang dengan peniaga-peniaga pasar raya di samping penelitian oleh Jabatan Pertanian dari semasa ke semasa untuk mengatasi masalah tersebut.

Yang Berhormat menekankan perkara-perkara di atas kerana bimbang terhadap kemerosotan hasil-hasil pertanian yang disumbangkan kepada ekonomi negara pada masa ini iaitu kurang dari 1% dari jumlah anggaran kasar keluaran dalam negeri.

Gambar-gambar dan berita lanjut di muka tengah.

rtb Intisari minggu ini

KEDWASAAN Radio yang hampir menjangkau usianya 30 tahun semakin mencabar tugas sehariannya. Kerana pencapaian yang dilaksanakan oleh Perkhidmatan Radio menjadi sukat-sukat akan sejauh mana ianya sudah bergerak sebagai media yang menyalur maklumat, menghibur, mendidik dan banyak lagi peranan yang dilaksanakan dalam masa dan keadaan yang agak pantas dengan perubahan dan naluri keinginan pendengar. Tidak dapat tidak jangkaan dan andaian untuk mengimbangi kedewasaannya, bertembung dengan suasana penduduk negara yang sudah semakin terpelajar, memaksakan kakitangan di perkhidmatan ini untuk sentiasa sedar memperluaskan diri dengan pengetahuan semasa yang ilmiah lagi berfaedah. Kerana dengan jalan ini saja jambatan yang dijalin melalui siaran radio dapat dipergunakan oleh semua peringkat pendengar dalam erti kata memberikan manfaat dan faedah yang banyak dan berharga.

Radio banyak belajar dan memerhatikan akan keadaan sekeliling melalui

Radio Minggu Ini:

RADIO MENITI WAKTU

teguran-teguran yang bernas dari kalangan pendengar yang merasakan bertanggungjawab untuk sama-sama menjadikan kematangan radio sebagai sumber pendengaran yang bermakna. Lantas dari itu apa jua yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada keperluan yang ada sekarang ini. Penekanan ke arah satu matlamat menuju ke arah profesionalisma yang berkualiti adalah laluan yang sering mengiringi setiap tugas yang dilaksanakan oleh kakitangan radio. Hampir kesemua kakitangan di perkhidmatan radio sudah pun menghadiri kursus profesionalisma sama ada di negara jiran terdekat ataupun jauh, sebagai asas yang menjadikan perkhidmatan ini diakui dan sekurang-

kurangnya dapat membantu mempertingkatkan kualiti dalam Perkhidmatan Radio ini.

Menjiwai

Radio bukan sahaja merasakan cabaran-cabaran dari pendengar yang sudah semakin matang menyukat sejauh mana kualiti rancangan yang disalurkan, akan tetapi juga merasakan perlunya membawa bersama masyarakat pendengar menjiwai akan apa jua usaha yang dilakukan oleh pihak Radio. Bidang penerbitan, kritikan sastera, hiburan, bidang pendidikan, perusahaan dan banyak lagi dapat membantu mencerminkan kedewasaan yang dilalui oleh Perkhidmatan Radio ini. Kerana kualiti yang ingin

dinilai itu banyak bergantung dari saduran bahan yang mengisikan setiap waktu rancangan-rancangan yang disiarkan itu.

Ruang kritik dan juga teguran begitu terdedah kepada radio, kerana apa pun jua kesilapan yang berlaku akan mudah menggamit kepekaan pendengar dalam mengamati isi kandungan rancangan yang disiarkan. Sebab itulah pengamatan teliti merupakan asas utama dalam melahirkan rupa bentuk rancangan yang akan disiarkan, agar ianya dapat mencerminkan aspirasi kerajaan dan naluri keinginan pendengar yang lebih banyak miripnya kepada sesuatu yang lebih rasional dari segi fakta dan kenyataan yang ingin disampaikan itu.

Sebagai Ramuan

Banyak faktor yang dapat menjadi pendukung dalam melahirkan sesuatu yang bermakna dalam mana-mana jua media yang ada. Kesedaran diri dan kepekaan akan alam sekeliling, membolehkan kita mengenali sesuatu yang perlu untuk dibawa ke pangkuan masyarakat pendengar sebagai ramuan dalam mengisikan ruang waktu pendengaran mereka kepada siaran radio. Mengimbangi kematangan dengan keilmuan yang berbilang masakini dapat juga memperlihatkan kesan yang amat positif dalam melahirkan idea dan pemikiran-pemikiran bernas yang sekaligus dapat dikongsikan bersama pendengar yang bertahap cendekiawan dan ilmunan. Begitulah juga halnya dengan bidang yang lain, kesinambungan pengetahuan mengenainya mempunyai makna yang besar dalam membantu melahirkan kualiti penerbitan rancangan seharian di radio.

Sumbangan

Apa pun yang Radio hadapi masakini dan juga pada masa-masa yang akan datang adalah merupakan laluan yang sering memberikan pengajaran dan pengetahuan untuk

menjadi bekalan radio menyumbangkan khidmatnya kepada masyarakat pendengar. Penitiran waktu yang berterusan dengan penemuan dan juga perubahan demi perubahan di sekeliling kita, akan tetap menjadi asas-asas dalam melahirkan penerbitan rancangan bermutu dan berfaedah. Meskipun penitiran waktu ini akan terus mencabar khidmat radio, kepekaan dan juga pemedulian akan setiap perubahan dan perkembangan yang ada insyallah akan dapat membawa Radio ke arah satu pencapaian yang akan membanggakan sebagai sebuah media yang berfungsi menepati aspirasinya sebagai jambatan penghubung maklumat, penghibur, pendidik dan sebagainya. Radio tidak akan berganjak menemani pendengar dengan persembahan yang boleh diterima oleh semua pihak.



Sudut Remaja

MENERUSI sudut Remaja Minggu Ini kita berpeluang menikmati persembahan dari Hashimah Abd. Hamid.

Hashimah seorang penuntut dan meminati seni suara sejak kecil lagi. Ikutilah persembahannya dalam rancangan Alam Remaja siaran hari Isnin 31 Ogos, 1987, jam 4.00 petang.

Sandiwara radio:

"BICARA ANGIN"

"BICARA ANGIN" adalah hasil karya Kamis Salleh, Negara Brunei Darussalam. Skrip ini telah dipilih untuk mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini.

Pak Ali, siapa yang telah lama bekerja menjadi orang gaji di rumah seorang hartawan, tiba-tiba menjadi seorang yang sangat penting apabila ia diamanahkan untuk memegang satu wasiat, setelah hartawan tempatnya bekerja itu meninggal.

Kassim, Adol dan Mamat adalah anak-anak hartawan tersebut. Mereka mengetahui akan kematian ayah mereka hanya setelah mereka kembali ke tanahair dari luar negeri kerana belajar. Juga pulang bersama mereka ialah Timah, anak kepada Pak Ali.

Sekembalinya mereka pula, Pak Ali terpaksa pulang ke kampung kerana isterinya sakit kuat. Kerana itu, urusan mengenai wasiat itu terbeng-

kalai, tambahan lagi Pak Ali adalah seorang tua yang sangat pelupa.

Tiga beradik itu terpaksa mengambil satu jalan untuk menarik semula Pak Ali ke pangkuan mereka. Jalan yang paling mudah ialah dengan mengirim telegram dan mengatakan Timah sakit kuat.

Dengan cara mereka itu, Pak Ali pun terpedaya dan terus datang menemui mereka. Apabila mereka cuba mendapatkan wasiat itu, tiba-tiba mereka merasa kecewa bila mendengar penjelasan Pak Ali yang dia tidak ingat di mana ia meletakkan surat penting tersebut.

Bagaimanakah kisah selanjutnya? Ikutilah siarannya nanti pada 30 Ogos, 1987, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Saloma Haji Mahmud.



Siri Rancangan Tv

SIRI Rancangan Televisyen Brunei 'Travellers By Night' yang disiarkan pada tiap-tiap hari Selasa bermula jam 6.20 petang adalah merupakan episod terakhir minggu ini.

Watak-watak yang memegang peranan dalam siri tersebut terdiri daripada Neil Morrissey, Breffni McKenna dan Steven Woodcock.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU 26 OGOS

**Hari Kelepasan Awam Sempena
Awal Tahun Hijrah**

PAGI
9.00 PEMBUKAAN DAN LAGU
KEBANGSAAN
9.02 AL-QURAN
9.10 SUSUNAN RANCANGAN
9.15 NADASARI
9.50 KARTUN
10.30 TAYANGAN GAMBAR: "A Summer To Remember"
Cerita yang menggembarakan ini mengisahkan persahabatan istimewa seorang kanak-kanak cacat pendengaran dengan seekor orang utan yang boleh berhubung dengannya melalui bahasa isyarat.

TENGAH HARI:
12.10 DOCUMENTARY SPECIAL: "Under A Crescent Moon"
12.24 AZAN ZUHUR
12.29 DOCUMENTARY SPECIAL — sambungan

PETANG
1.05 ANIMATION SPECIAL: "Hoppity Goes To Town"
2.15 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Semoga Haji Yang Mabru"
3.34 AZAN ASAR
3.39 MAGIC OF CHINA
4.30 DETIK-DETIK HIJRAH 1407 — ulangan
5.00 WIND IN THE WILLOWS
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "The Defence Never Rest"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MY SISTER SAM: "What Makes Sammy Run"
6.20 SURVIVAL: "Angel Of Winter"
Filem rencana ini meninjau keadaan musim sejuk di tengah pergunungan Honshu dan kawasan utara, Hokkaido Jepun. Gunung-gunung berapi Jepun membekalkan pemanas semula jadi telah membolehkan kehidupan liar terus hidup di sepanjang musim sejuk.
6.30 AZAN MAGHRIB
6.35 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.45 SURVIVAL — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 SMALL WONDER: "The Older Woman"
7.40 AZAN ISYAK
7.45 SMALL WONDER — sambungan
8.00 L. A. LAW: "Raiders Of The Lost Bark"
8.50 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 LIPUTAN NASIONAL
10.00 THE COLBYS: "Bloodlines"
Sable ikut campur apabila Miles dan Channing menghadapi krisis rumah-tangga. Sable juga hiraukan anak Fallon yang belum lahir. Sementara Jason berikrar akan mengeluarkan Cash dari projek IMOSnya dan Kolya telah mencuri masa untuk bersama Bl'ss.
10.50 EMBASSY WORLD SNOOKER 1987 — FINAL
11.50 SIARAN TAMAT

HARI KHAMIS 27 OGOS

PETANG
4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU
KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 HEATHCLIFF
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HARAPAN DAN BIMBINGAN: "Pendidikan Kanak-kanak Pekak" (ulangan)
6.05 1, 2, 3 GO
6.15 KISSYFUR
6.29 AZAN MAGHRIB
6.34 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.44 KISSYFUR — sambungan

7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 WEBSTER: "The Tribute"
Webster mendapat tahu bahawa nama sekolahnya akan diganti dengan nama mendiang ayahnya, tapi ia merasa bersalah kerana anak saudara nama asal sekolah itu telah memohon supaya ianya tidak ditukar.

7.39 AZAN ISYAK
7.44 WEBSTER — sambungan
8.00 MIAMI VICE: "Whatever Works"
8.50 ECONOMIC MADE EASY
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIDAYAT
9.55 DUNIA MINGGU INI
10.25 MAGNUM P.I.: "Murder By Night"

Magnum dipanggil untuk menyiasat kematian William Eyler Maxfield, seorang hartawan akhbar. Inspektor Wolf tegaskan ianya sebagai kes bunuh diri, tapi isterinya percaya suaminya telah dibunuh.

11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Tag — The Assassination Game"
12.50 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 28 OGOS

TENGAH HARI
12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU
KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 BIMBINGAN ISLAM — u'angan
12.25 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
1.00 THE REAL GHOSTBUSTERS: "Look Homeward Ray"

PETANG
1.25 RACCOON: "Opportunity Knocks"
1.55 ARENA SUKAN
2.55 MASK: "The Roteks"
3.25 AL-KISAH: "Burung Merak Dengan Burung Gagak" (ulangan)
3.32 AZAN ASAR
3.37 MAGIC CORNER
4.10 FLAME TREES OF THIKA: "Promised Land"

Banyak perkara yang menghairankan keluarga Grants kerana penduduk di Thika terlalu kolot. Mereka berazam untuk menjadikan tempat itu ladang kopi yang terbaik di Afrika Timur, walaupun ramai yang mengatakan tempat itu tidak sesuai untuk bertani.

5.10 WORKING FOR SAFETY
5.35 TERRY AND JUNE: "Friends And Neighbours"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TERRY AND JUNE — sambungan
6.05 WHY AND WHEREFORES: "Why Can We Hear Without Ears"
6.34 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.29 AZAN MAGHRIB
6.44 WHY AND WHEREFORES — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 LIFE'S MOST EMBARRASSING MOMENTS
7.39 AZAN ISYAK
7.45 LIFE MOST EMBARRASSING MOMENTS — sambungan
8.10 MACGYVER: "The Wish Child"
MacGyver berjuang untuk menyelamatkan seorang budak lelaki dari menjadi mangsa kepada satu kepercayaan yang berkurun-kurun lamanya.

9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 HEAD OF THE CLASS: "The Way We Weren't"
Darlene dan Alan membuat beberapa penemuan penting tentang diri mereka sewaktu kelas dan membuat penyelidikan keturunan.
10.15 FALCON CREST: "Living Nightmare"
11.15 SIARAN TAMAT.

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

HARI SABTU 29 OGOS

PETANG
4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU
KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 WILDLIFE ON ONE: "Sea Snakes: Friend Or Foe" (Siri baru)

Binatang reptilia yang paling banyak di dunia ini juga adalah yang paling berbisu, bagaimana pun ia jarang menggunakan bisanya untuk mempertahankan diri ke atas manusia. Sifat-sifat istimewanya telah membolehkannya hidup di laut tetapi tidak berdaya di darat.

5.45 RINGKASAN BERITA
Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 15 Ogos, 1987.

No. 147/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Halus binti Ibrahim kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Ja'afar Sidek bin Abdullah @ Atong bin Lasong yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 8 September, 1987, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar su-

rat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 13 Ogos, 1987.

No. 163/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Ajjiah @ Azizah @ Aisah binti Haji Asmat kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Syed bin Yusof yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 September, 1987, jam 9.15 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 15 Ogos, 1987.

No. 157/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Sirus binti Haji Maidin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Serbini bin Hussin yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah ibu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 8 September, 1987, jam 10.15 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si ma-

ti itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar su-

rat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 15 Ogos, 1987.

TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkih Garison, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 22 September, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutarga Jabatanarah, Kewangan dan Perbekalan Kementerian Pertahanan, Bolkih Garison, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutarga. Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkih Garison, Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/70/1987
MEMBEKAL :
DB 62 DEKABOX
DECADE RESISTOR
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/71/1987
MEMBEKAL :
TEKTRONIX 7T11A
SAMPLING SWEEP
UNIT.
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/72/1987
MEMBEKAL :
FLUKE 5220A
AMPLIFIER
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/73/1987
MEMBEKAL :
HP 8903 B AUDIO
ANALYZER
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/74/1987
MEMBEKAL :
HITFINDER AUTO

CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/75/1987
MEMBEKAL :
DUNLOP PILLOW
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/76/1987
MEMBEKAL :
RADIO SPARE (BIRD
THRULINE TYPE 43).
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/77/1987
MEMBEKAL :
OSCILLISCOPE
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/78/1987
MEMBEKAL :
RACAL SPARES
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/79/1987
MEMBEKAL :
FORKLIFT LANSING
SPARES
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/80/1987
MEMBEKAL :
BEDFORD SPARES.
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/81/1987
MEMBEKAL :
HEWLETT PACKARD
SPARES
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/82/1987
MEMBEKAL :
HEAD SET ELNO.
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/83/1987
MEMBEKAL :
AFV COVERALLS.
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/84/1987
MEMBEKAL :
ELECTRIC BULB.
CAGARAN : \$100.00.

BIL : MINDEF/DFP/MTB/85/1987
MEMBEKAL :
TRUCK
ROADSWEEPER
4 x 2 LHD.
CAGARAN : \$150.00.

BIL : DDWS/MWSS/08/87
MEMBEKAL :
VEHICLE LIFTS MT
SERVICING BAY
BERAKAS CAMP.
CAGARAN :
\$200.00 + \$100.00
(Lukisan).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN DAERAH TUTONG

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan kereta-kereta dan mesin yang berikut di bawah ini bagi Jabatan Daerah Tutong.

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat : —
Pengerusi
Lembaga Tawaran,
Tingkat 3,
Bangunan Kementerian
Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei
Darussalam.

Tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari, 28 September, 1987.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan "Tajuk Tawaran" yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang tersebut di atas.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lebih lanjut boleh didapati daripada Pejabat Daerah Tutong pada waktu-waktu hari bekerja.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN

Bil. Tawaran	Keterangan
DA/TQ/153/87	Membekal dan Menghantar OUTBOARD ENGINE 115Hp & 175Hp
DA/TQ/154/87	Membekal dan Menghantar TALAM BERPITAK

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan :

Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada tiap-tiap hari (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran seperti yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan diarahkan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut : —

Selasa-Khamis	8.00 pagi	—	11.00 pagi
	1.30 petang	—	2.30 petang
Isnin-Satu	8.00 pagi	—	10.00 pagi

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang sebanyak \$100.00 bagi setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Peringatan :

1. Harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang hendaklah termasuk perbelanjaan menghantar alat dan keperluan-keperluan ke Ibu Pejabat, Stor Kementerian Pelajaran, Pejabat-pejabat Daerah, Kementerian Pelajaran dan Maktab-maktab/Sekolah-sekolah di mana perlu.

2. Tiap-tiap satu harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah juga termasuk dalam C.I.F. dan Custom Duty.

3. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

4. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.

5. Tiap-tiap tawaran hendaklah disertakan dengan contoh katalog. Jika contoh-contoh itu tidak dapat dimasukkan dalam sampul surat maka hendaklah dihantar ke Unit Penyelaras Tawaran, Bahagian Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

6. Segala kehendak dalam borang ini, mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran akan ditolak.

7. Sila alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kementerian Pelajaran, Tingkat Satu, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BILANGAN : 2/1987

MEMBEKALKAN C.I.F. BRUNEI SATU (1) BUAH LIGHT TRUCK.

Cagaran Tawaran : \$300.00

BILANGAN : 3/1987

MEMBEKALKAN C.I.F. BRUNEI SATU (1) BUAH KERETA SAMPAH.

Cagaran Tawaran : \$50.00

BILANGAN : 4/1987

MEMBEKALKAN C.I.F. BRUNEI SATU (1) BUAH MOTOR GRADER.

Cagaran Tawaran : \$50.00

BILANGAN : 5/1987

MEMBEKALKAN C.I.F. BRUNEI SATU (1) BUAH MESIN PENGETAM KAYU.

Cagaran Tawaran : \$300.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4 Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 21 September, 1987.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutarga Jabatanarah, Kementerian Pertahanan, Bolkih Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

Contoh-contoh atau katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutarga, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkih Garison. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti

yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

BIL : MINDEF/DFP/STB/RC 66

MEMBEKAL :
LAUNDARY TUTONG.
Cagaran : \$150.00.

BIL : MINDEF/DFP/STB/RC 87

MEMBEKAL :
THE UNDERTAKING
OF A CONTRACT ON
BEHALF OF THE
MINDEF FOR THE
PROVISION OF
MAINTENANCE
SERVICES OF MINDEF
POOL VEHICLES FOR A
PERIOD OF ONE YEAR.
Cagaran : \$150.00.

BIL : MINDEF/DFP/STB/RC 64

MEMBEKAL :
TAILORING TO RBAF.
Cagaran : \$400.00.

BIL : MINDEF/DFP/STB/RC 89

MEMBEKAL :
TAILORING
CONTRACT — WOMEN
COMPANY.
Cagaran : \$150.00.

Perebutan ke suku akhir Piala Malaysia: NEGARA TERSINGKIR



jukkan suatu 'petanda baik' sekalipun pada mulanya kita diramalkan akan dihujani dengan jumlah jaringan yang tinggi.

Ramalan itu sebaliknya menjadi 'omong kosong' apabila para pemain memberikan cabaran hebat dengan mendahului 1-0 di minit ke-42 melalui Ak. Momin bin Pg. Ahmad. Bagaimanapun Kuala Lumpur sebagai salah sebuah pasukan favourite mungkin akan menanggung malu jika tidak K. Kannan menyamakan kedudukan itu.

Kecemerlangan pertemuan dengan Kuala Lumpur itu gagal diulangi ketika bertemu dengan Kelantan yang

membelash teruk 6-0. Inilah jaringan kekalahan yang paling tinggi dalam siri Piala Malaysia tahun ini, selepas Johor yang menghadihkan kita 5-0 di Johor Bharu.

Kemudian dalam pertemuan dengan Negeri Sembilan pasukan negara terus gagal mencari kemenangan sebaliknya hanya mampu seri. Keputusan ini menjejaskan peluang kita untuk mengutip mata penuh.

Dari tiga perlawanan terakhir itu pasukan negara hanya meraih 2 mata hasil dari dua keputusan seri, tidak termasuk pertemuan dengan Angkatan Tentera malam ini.

Ternyata prestasi pemain-pemain negara belum men-

capai tahap sebenar. Begitupun, peluang untuk memperbaiki segala kelemahan menjelang Sukan SEA masih ada, dan yang perlu sekarang ialah membentuk persefahaman pemain-pemain.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

Daerah Brunei-Muara bolot kejuaraan

NEGARA PUNGUT PINGAT GANGSA

DUA Pasukan dari Daerah Brunei dan Muara, "A" dan "B", muncul sebagai juara tarik kalat peringkat negara yang berlangsung di Padang SMJA, Ahad lepas.

Pasukan "A" daerah itu memungut lima mata dengan menewaskan pasukan-pasukan dari Daerah Tutong dan Temburong, manakala dalam pertemuan dengan Belait kedua pasukan masing-masing memenangi satu perlawanan.

Bagaimanapun dalam perlawanan Kumpulan "B" Daerah Brunei dan Muara terpaksa berentap dua kali dengan Daerah Tutong untuk menentukan juara dalam kumpulan itu. Dalam peringkat awal, separuh akhir dan peringkat akhir kedua pasukan itu masing-masing memperolehi lima mata iaitu seri sekali dan menang dua kali.

Sementara dalam bahagian sekolah-sekolah dimenangi oleh Pasukan dari Daerah Brunei dan Muara, kedua Belait dan ketiga Tutong, sementara bagi perlawanan antara jawatankuasa-jawatankuasa disandang oleh Daerah Tutong, kedua Brunei dan Muara dan ketiga Belait.

NEGARA Brunei Darussalam memenangi satu pingat gangsa di Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN yang ke-11 di Bangkok, Thailand minggu lalu.

Pingat tunggal itu dipungut melalui Awang Azman bin Jamor dalam bahagian olahraga lari 800 meter.

Awang Azman berusia 17 tahun dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong mencatat masa 1.58.13 di belakang peserta Thailand dan Malaysia.

Negara kita menghantar 10 peserta dan lima orang pegawai yang diketuai oleh Cikgu Mohammad bin Ismail.

Sepanjang kejohanan tersebut 11 rekod baru dicatatkan daripada 33 acara trek dan padang yang dipertandingkan. Malaysia muncul sebagai johan keseluruhan diikuti oleh negara tuan rumah Thailand, Singapura, Brunei Darussalam dan Filipina.

Kejohanan tiga hari itu telah dirasmikan oleh Tuan Chamlung Wuttichan, Timbalan Setiausaha Tetap Bahagian Pelajaran, Thailand.

Sukan sekolah-sekolah ASEAN bagi 18 tahun ke bawah ini akan diadakan di Republik Singapura tahun depan.



TARIK... Kedua pasukan masing-masing cuba untuk menumbangkan lawan mereka dalam perlawanan tarik kalat di Padang SMJA. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Pasangan Chua dan Salina muncul juara

PASANGAN Chua Peng Chai dan Salina Conner keluar sebagai juara Tennis Campuran anjuran Persatuan Lawn Tennis Brunei, (BLTA) di Jalan Tapak Kuda, Ahad lepas.

Kedua-dua pemain itu menewaskan pasangan Han Foo Kwang dan Marijke Elton dengan straight set 7-6, 6-3. Dalam set pertama Chua Peng Chai/Salina Conner terpaksa berhempas pulas untuk

memenangi set tersebut dalam masa satu jam. Sebelum itu mereka menghadapi tentangan sengit dengan smash-smash kencang oleh pasangan Han Foo Kwang/Marijke Elton.

Bagaimanapun dalam set kedua Chua Peng Chai/Salina Conner hanya memerlukan masa setengah jam untuk menyingkirkan kedua pemain itu dan sekali gus keluar sebagai juara.

Sebelum memasuki peringkat akhir, Chua Peng Chai/Salina Conner menewaskan pasangan Marina Tan/Chee Choy Poi Straight set 6-1, 6-2,

manakala Han Foo Kwang/Marijke Elton menunduk Betty Tan/Tan Chee Keong juga straight set di peringkat separuh akhir.

Sementara itu dalam perlawanan perseorangan yang berlangsung pada 24 hingga 28 Jun yang lalu Chua Peng Chai muncul sebagai juara dan naib juara disandang oleh Han Foo Kwang.

Mesyuarat Agung

BERAKAS. — Persatuan Angkat Berat Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Mesyuarat Agung kali pertama pada hari Rabu, 2 September depan.

Mesyuarat itu akan berlangsung pada jam 7.00 malam di Stadium Negara Hassan Bolkiah di sini. Orang ramai yang berminat dalam bidang ini adalah dipelawa untuk menghadiri mesyuarat tersebut.



CHUA Peng Chai di belakang membuat pukulan backhand manakala Salina Conner hanya memerhatikan saja dalam perlawanan akhir Kejohanan Tennis Campuran. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



AWANG Azman bin Jomar (kanan) meraikan kejayaannya bersama Sompong Jansom dari Thailand di tempat pertama dan Edward Jaipal Ebenezar dari Malaysia di tempat kedua dalam acara trek 800 meter lelaki. — Gambar ihsan Burhanudin Hashim.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

MENJELANG SUKAN SEA KE-14 DI JAKARTA

Misi penyertaan atlit negara:

CARI KEJAYAAN

Bukan untuk mencari pengalaman lagi

MISI penyertaan atlit negara ke Sukan SEA di Jakarta, Republik Indonesia bukan setakat untuk mencari pengalaman lagi tetapi apa yang penting ialah bagi mencari dan mencapai kejayaan.

Kata-kata untuk mencari pengalaman tidak perlu dalam setiap atlit kita tetapi mereka hendaklah menanamkan semangat tinggi untuk mencapai kejayaan bagi Negara Brunei Darussalam.

Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan yang juga selaku Pengerusi jawatankuasa penyertaan negara ke Sukan SEA di Jakarta berkata masa untuk kita mencari pengalaman sudah berakhir kerana kita telah beberapa kali menyertai pertandingan antarabangsa di luar negeri.

"Kepada para atlit negara yang akan bertanding di Sukan SEA nanti hendaklah menanamkan semangat tinggi untuk mencapai kejayaan yang cemerlang bagi kepentingan negara dan bukan untuk kepentingan diri sendiri atau kelab," tegas Pengiran Asmalee.

Ke arah itu, katanya, pemilihan dan penilaian peserta yang dihantar ke Sukan SEA telah diperketatkan oleh jawatankuasa. Mereka yang mempunyai kelayakan dan kemampuan serta prestasi yang baik untuk bersaing sahaja akan dipilih bagi menyertai sukan tersebut.

"Perkara ini terpaksa kita jalankan bagi menjaga nama baik Negara Brunei Darussalam kerana kita tidak mahu lagi atlit-atlit kita tercicir jauh di belakang oleh atlit-atlit negara ASEAN yang lain," ujar Pengiran Asmalee.

Misalnya, kata Pengiran Asmalee pasukan sepak takraw tidak dihantar untuk menyertai kejohanan tersebut kali ini memandangkan pasukan itu tidak mempunyai kemampuan untuk menyaingi pasukan-pasukan gergasi seperti Thailand dan Malaysia serta Singapura. Dalam Kejohanan Piala Borneo kita gagal untuk menjadi juara.

Lain-lain pasukan yang tidak dihantar termasuk badminton, ping pong dan tennis. Keempat-empat pasukan ini pernah dihantar ke Sukan SEA ke-13 di Bangkok tetapi seperti yang kita ketahui pasukan-pasukan tersebut mengalami kekalahan yang teruk.

Menyentuh mengenai peluang negara di Sukan SEA kali ini, Pengiran Asmalee penuh yakin bahawa atlit negara yang akan bertanding itu pasti akan dapat menghasilkan sesuatu untuk memenangi sebarang pingat terutama sekali dalam acara tinju, lumba perahu dan karate.

Menurut Pengiran Asmalee perkara ini tidak mustahil kerana atlit negara kita mempunyai kemampuan yang setanding dengan atlit-atlit luar.

Dalam hubungan ini, Pengiran Asmalee melahirkan harapan yang tinggi agar para atlit negara akan berjuang berhabis-habisan untuk mencapai sebarang kejayaan. Apa yang penting sekali pungutan pingat-pingat kita perlu ditingkatkan kerana dalam Sukan SEA yang lalu kita hanya mampu meraih tiga pingat gangsa menerusi acara tinju.

"Saya sekali lagi ingin mengingatkan kepada para atlit supaya akan menjaga nama baik Negara Brunei Darussalam dengan mematuhi segala peraturan-peraturan dan disiplin yang telah ditetapkan oleh pengurus-pengurus pasukan ketika berada di Jakarta nanti," ujar Pengiran Asmalee.

GAMBAR atas merakamkan ketika diadakan perjumpaan mengenai penyertaan negara di Sukan SEA ke-14 di Jakarta, Indonesia yang telah dilangsungkan di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan baru-baru ini. Perjumpaan itu telah dipengerusikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Pengiran Haji Mokhtar Putih, Timbalan Chief De Mission. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



NEGARA AKAN MENYERTAI 11 ACARA

SETAKAT ini negara kita telah mengesahkan untuk menyertai 11 acara daripada 29 acara yang akan dipertandingkan di Sukan SEA ke-14 di Jakarta yang akan bermula pada 9 September depan.

Acara-acara tersebut ialah bolasepak, olahraga, pencak silat, menembak, lumba perahu, meluncur angin, tinju, renang, golf, lumba basikal dan karate.

Seperti yang diumumkan lebih awal, negara kita akan menyertai 12 acara. Walau bagaimanapun pihak Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan telah mengugurkan acara bola keranjang.

Pada kejohanan kali ini, negara kita tidak menyenaraikan acara sepak takraw, badminton, tenis dan pingpong. Sebab utama keempat-empat sukan ini tidak disenaraikan ialah kemampuan serta kebolehan kita belum setanding dengan atlit-atlit negara ASEAN.

Bagaimanapun negara kita menyertai dua acara baru iaitu menembak dan karate. Di samping itu kita

menyertai tiga acara baru yang dipertandingkan seperti pencak silat, lumba perahu dan golf.

Dari 11 acara itu, kita mempertaruhkan lima acara untuk menghasilkan sebarang pingat. Acara itu ialah tinju, pencak silat, lumba perahu, olahraga dan menembak.



SEBAHAGIAN daripada pelatih-pelatih karate Sukan SEA menjalani latihan di bawah jurulatih dari Jepun. — Gambar oleh Harun Rashid.

MENJELANG SUKAN SEA KE-14 DI JAKARTA

Roslan, harapan kita dalam acara olahraga

Fokus Olahraga

PENCAPAIAN yang dicapai di Kejohanan Olahraga Asia di Singapura baru-baru ini akan dijadikan sebagai 'titik tolak' bagi mengharungi Sukan SEA di Indonesia September depan.

Roslan Baha, 19 tahun beraya memperbaiki masa terbaik dengan mencapai rekod baru kebangsaan dan rekod olahraga Borneo.

"Pencapaian yang saya perolehi di Kejohanan Olahraga Asia yang lalu itu amat menggembirakan, dan saya berharap di Kejohanan Sukan SEA nanti saya akan dapat membuat keputusan yang lebih baik lagi," ujar Roslan Baha ketika ditemui di Pusat Belia minggu lepas.

Dalam kejohanan Asia itu Roslan Baha mencipta masa terbaru dengan masa 9 minit 42 saat dalam acara 3,000 meter lari berhalangan. Itulah rekod terbaru bagi acara tersebut dalam Sukan Borneo, manakala dalam acara 5,000 meter pula beliau juga mencatatkan masa terbaru iaitu 15 minit 43 saat dan sekaligus memecahkan rekod kebangsaan.

Roslan Baha yang masih menuntut di Maktab Anthony

Abell Seria menduduki tempat ke tujuh dari 12 peserta yang menyertai acara 5,000 meter Olahraga Asia dan tempat kelapan daripada 12 peserta dalam acara 3,000 meter lari berhalangan.

"Setakat itulah kedudukan terbaik yang pernah saya perolehi di peringkat antarabangsa. Tempat pertama dalam acara itu ialah Jepun, kedua Qatar, ketiga Korea dan seterusnya dua peserta dari Malaysia sementara saya di tempat ketujuh," jelasnya.

Selanjutnya beliau berkata, "Sejak bergiat dalam tahun '84 hingga sekarang, saya sudah menyertai peringkat antarabangsa sebanyak tiga kali termasuk peringkat junior dan insya-Allah SEA Games di Indonesia nanti merupakan penyertaan kedua selepas di Bangkok."

Menyentuh mengenai persiapannya ke Jakarta ini, beliau membuat latihan-latihan keras seperti penekanan terhadap teknik kelajuan dan stamina di dalam dan luar stadium di bawah jurulatih Bob Lewson.

Mengenai harapan di kejohanan itu nanti, beliau tidak dapat meramalkan



PESERTA tunggal negara Roslan Baha menjalani latihan giat di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas. — Gambar oleh Harun Rashid.

peluangnya dengan pasti. Begitupun beliau menjangkakan akan memberikan tentangan yang hebat hingga ke garis penamat.

"Insya-Allah, jika keadaan

saya semasa di sana nanti mengizinkan saya pasti akan memberikan cabaran yang hebat dan mencuba sedaya upaya yang terdaya," azam beliau dengan penuh harapan.

Karate — 2 peserta berpeluang raih pingat

SKUAD karate negara ke Sukan SEA di Indonesia menggantungkan harapan ke temasya itu kepada 'nasib' untuk mencapai kejayaannya, selain mengharapakan mutu persembahan yang baik semasa bertanding.

Presiden Tali Pinggang Hitam Consul, Pengiran Yura Dupa berkata, "Keadaan nasib yang menyebelahi kita dan juga mutu persembahan yang baik nanti akan menentukan kejayaan semasa di sana."

"Bagaimanapun," tambah beliau, "Penyertaan kali pertama ke Sukan SEA ini, kita akan cuba untuk mencapai kejayaan itu sebolehnya."

Setakat ini seramai 25 orang ahli karate kini telah mengikuti latihan pusat di bawah seorang jurulatih dari Jepun, Awang Sensui Y. Nonaka dan akan mengadakan perlawanan ujian dengan Pasukan Singapura, Malaysia dan Jepun pada hari ini hingga 30



BEGINI caranya... Jurulatih Karate Sensui Y. Nonaka menunjukkan teknik pukulan bagi menghadapi lawan. — Gambar oleh Harun Rashid.

Fokus Karate

Ogos depan di Singapura.

Pg. Yura Dupa berkata 25 orang itu dipilih melalui tiga stail iaitu Wadoryo, Shotokan dan Shotogo.

Selanjutnya Pg. Yura Dupa menyatakan sebelum berangkat ke Indonesia 25 orang itu akan diuji dalam satu perlawanan ujian dan daripada ujian itu seramai 10 orang akan dipilih iaitu tujuh orang lelaki dan tiga perempuan.

Dalam perlawanan di Sukan SEA nanti pasukan karate lelaki dan wanita akan menyertai acara-acara perseorangan berpasukan dan beberapa acara kumpulan berat.

Dari jumlah 25 orang itu, dua daripadanya mempunyai kebolehan yang baik iaitu Pg. Sabli Pg. Mohammad yang pernah mendapat tempat ketiga di Kejohanan Karate di United Kingdom ketika mewakili kelabnya di United Kingdom, manakala See Seng Kiat pula pernah memasuki peringkat separuh akhir kejohanan ASKE.

"Kedua-dua peserta ini mempunyai tali pinggang

hitam kelas dua dan, serta banyak mempunyai pengalaman bertanding di dalam dan luar negeri. Dengan penyertaan mereka itu nanti kita berharap akan beroleh kejayaan," ujarnya.



AKSI perlawanan pencak silat antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia yang diadakan baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

PESILAT NEGARA AKAN CABAR KEUNGGULAN INDONESIA

Fokus Pencak Silat

"TENTANGAN BERSEMANGAT" pesilat-pesilat negara dalam perlawanan-perlawanan ujian dengan pesilat-pesilat dari Indonesia baru-baru ini merupakan modal terbaik untuk bekalan ke Sukan SEA acara Olahraga Pencak Silat.

Meskipun dalam perlawanan ujian itu pesilat-pesilat Brunei Darussalam hanya memenangi beberapa perlawanan saja, namun peningkatan mutu pencapaian hasil daripada perlawanan ujian itu telah menampakkan keunggulan Indonesia akan tercabar, sekalipun Indonesia dianggap 'favourite'. Pesilat-pesilat Thailand, Malaysia dan Singapura setakat ini sudah menampakkan perkembangan terbaik termasuk negara kita.

"Negara Brunei Darussalam, Thailand, Singapura, dan Malaysia setakat ini mempunyai pasukan pesilat yang cukup baik, bagaimanapun Brunei Darussalam mempunyai kelebihan sedikit berbanding dengan Thailand Malaysia dan Singapura kerana pesilat-pesilat Brunei Darussalam awal-awal lagi sudah mempelajari asas-asas persilatan," ulas Drs. Andes Mohd. Shafiee salah seorang juri pencak silat dari Indonesia.

Berdasarkan kepada pencapaian itu beliau memramalkan Brunei Darussalam mempunyai peluang yang sama untuk meraih pingat di samping pasukan tuan rumah, Malaysia dan Singapura.

"Harapan Brunei Darussalam bagi mengutip pingat adalah cerah walaupun Indonesia mempunyai kelebihan berbuat

demikian. Pesilat-pesilat Brunei Darussalam punya skill yang baik dan dapat mengatur langkah-langkah serangan yang sungguh teratur lagi berkesan," terangnya.

Dalam pada itu kelemahan-kelemahan yang terdapat pada pesilat-pesilat Brunei Darussalam ialah kecepatan, stamina, kurang cekap membaca gerak lawan dan tentangan serangan melalui kaki. Kelemahan-kelemahan itu banyak terdapat pada diri pesilat-pesilat.

Selain daripada kelemahan tersebut, pendedahan juga perlu dilakukan untuk memperluaskan pengalaman mereka sebelum menjelang Sukan SEA itu.

Beliau menambah, "Masih ada waktu lagi untuk memperbaiki setiap kelemahan tersebut. Yang penting sekarang ialah perlu banyak latihan demi latihan, untuk meningkatkan prestasi."

Olahraga pencak silat merupakan salah satu daripada tiga acara baru yang disertai oleh Negara Brunei Darussalam di Sukan SEA nanti. Lima negara menyertai acara ini iaitu negara tuan rumah Indonesia, Thailand, Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam dijangka menyertainya.

Mutu persembahan seimbang

MUTU persembahan negara-negara yang akan menyertai acara Olahraga Pencak Silat adalah 'seimbang' meskipun Indonesia dianggap sebagai favourite untuk memenangi banyak pingat.

Juri Olahraga Pencak Silat Indonesia, Drs. Andes Mohd. Shafiee berkata, "Bagi Indonesia, untuk meraih keseluruhan pingat-pingat dalam acara olahraga pencak silat tidak mungkin kerana prestasi daripada negara-negara lain termasuk Negara Brunei Darussalam sendiri amat memberangsangkan. Oleh itu Indonesia tidak ada target untuk meraih medali sebanyak-banyaknya, sebab kemampuan negara lain sudah seimbang."

Bagaimanapun menurutnya, Indonesia sudah membuat persediaan awal untuk mengharungi Sukan SEA ini nanti dengan mengadakan latihan-latihan intensif termasuk mengadakan perlawanan-perlawanan ujian.



Tanpa adanya kestabilan politik:

Oleh Zubaidah HS

KEBAWAHA Duta Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan menerima menghadap Puan Hajjah Tjanda Nirwasih Salim, Isteri Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam.

Istiadat mengadap itu berlangsung di Istana Nurul Iman pada 17 Ogos lepas.

Sementara itu, Duli Yang
Teramat Mulia Pengiran
Isteri Hajjah Maria binti
berkenan Hajjah
mengadap Puan Salim di
Tjanda Nirwasari Izzah
Istana Nurul Izzah
Jerudong minggu lepas. —
Gambar oleh Pg. Abu Bakar
PHO dan Pg. Haji Yaakub.

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Per-
dana Wazir Sahibul Himmah
Wal-Waqar Pengiran Muda
Haji Mohamed Bolkiaah,
Menteri Hal Ehwal Luar
Negeri bersabda, kemajuan
ekonomi tidak akan dapat
dinikmati tanpa adanya
kestabilan politik sesebuah
negara.

Bersabda demikian di maj-

lis makan malam bagi
meraikan Tuan Yang
Terutama Tuan Salvador H.
Laurel, Naib Presiden dan
Setiausaha bagi Hal Ehwal
Filipina Negeri Republik
Filipina yang berlangsung di
Istana Edinburgh di sini pada
malam Isnin lepas, Duli Yang
Teramat Mulia selanjutnya
bersabda : "Sebagai anggota
ASEAN, Negara Brunei
Darussalam dan Republik
Filipina sentiasa bekerjasama

bagi keamanan dan kestabilan rantau ini."

Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Per-
dana Wazir Sahibul Himmah
Wal-Waqar Pengiran Muda
Haji Mohamed Bolkhiah
berkata rumusan yang dicapai
dalam Mesyuarat Menteri-
Menteri ASEAN yang ke-20 di
Republik Singapura dan
mesyuarat tidak rasmi di
Bangkok baru-baru ini
memperlihatkan penglibatan

negara-negara anggota untuk bekerjasama bagi mencapai matlamat pertubuhan tersebut.

Ke arah itu, Duli Yang Teramat Mulia melahirkan keyakinan bahwa kerjasama itu akan dapat diteruskan bagi memastikan kejayaan sidang kemuncak ASEAN yang ketiga yang akan diadakan di Manila lewat tahun ini.

Duli Yang Teramat Mulia
penuh percaya sidang kem-
pak itu akan memberik-
peluang kepada ketua-ketua
kerajaan ASEAN bertukar
tukar pendapat ke atas isu-
yang lebih luas untuk me-
gerakkan lagi pertumbuhan
dalam komitmennya
bidang politik di masa depan.

Menyentuh mengenai perjanjian udara yang ditandatangani oleh kedua-dua buah negara baru-baru ini Duli Yang Teramat Mulia bersabda ianya menandakan satu lagi kejayaan dalam usaha untuk mengukuhkan persahabatan kedua-dua negara.

Tuan Yang Terutama
Tuan Salvador H. Laure
berkata, hubungan negaranya
dengan Brunei Darussalam
sudah terjalin lama dalam se-
jarah dan ianya perlu
diperluas dan diperkukuhkan
dalam usaha bersama untuk
masa depan yang cerah.

Turut berangkat ke majlis itu termasuklah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah.

Juga hadir ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz, Menteri Perhubungan, duta-duta asing, Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berkenan menerima menghadap isteri Tuan Yang Terutama iaitu Puan Celia D. Laurel di Istana Nurul Iman di hari yang sama.

Sementara itu Duli Yang Pengiran Teramat Mulia Mariam juga menerima kunjungan dari Tuan Yang Terutama di Istana Nurul Izzah.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Moham-ed Bolkiaah, Menteri Hal

Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Naib Presiden dan Setiausaha bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Salvador H. Laurel di Bilik VIP, Lapangan Terbang Antarabangsa di sini pada 24 Ogos lepas.

Terdahulu sebelum itu, ketibaan Tuan Yang Terutama Tuan Salvador H. Laurel bersama isteri serta rombongan di hari yang sama telah dialu-alukan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamad Bolkiyah.

MAKLUMAN

PADA menjunjung tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanall Bolkhaim Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dimaklumkan untuk pengetahuan orang ramai bahawa baginda dengan sukacita melantik nama-nama yang berikut menjadi 'Seri Laila Di-Raja'.

Mereka ialah Datin Seri Utama Hajjah Rosnah binti Abdullah, Pengiran Datu Paduk Seri Laila Jasa Hajjah Zabaedah binti Pengiran Ratna Wangsa Pengiran Haji Matussin dan Datin Paduka Seri Laila Jasa Hajjah Nooraini binti Haji Mohd. Hussain.

Perlantikan mereka bermula dari 9 Julai, 1987 dan sebutan Dayang-Dayang Di Raja ditiadakan mulai dari tarikh yang sama.

Dihasilkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersalaman ketika mengalu-alukan ketibaan Naib Presiden dan Setiausaha bagi Hal-Ehwal Luar Republik Filipina, TYT Salvador H. Laurel. — Gambar oleh Harun Rashid.

Selamatkan keluarga awda dengan menjauhi penyalahgunaan dadah

“Negara
kemerde
ma dari
jahat tic
bertuah

Dititahka
Daerah T